

PRESTASI EKONOMI DAN PROSPEK | 3

- 3-1 ● Perspektif Keseluruhan
- 3-2 ● Prestasi Mengikut Sektor
- 3-14 ● Prestasi Permintaan Domestik
- 3-25 ● Kedudukan Sumber Negara
- 3-25 ● Sektor Luar Negeri
- 3-37 ● Harga
- 3-39 ● Pasaran Buruh
- 3-45 ● Prospek 2016

Perspektif Keseluruhan

Pertumbuhan dipacu permintaan domestik

Ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun persekitaran luar lebih mencabar dengan pertumbuhan global sederhana, kejatuhan harga komoditi dan volatiliti pasaran kewangan. KDNK benar meningkat 5.3% dalam tempoh separuh pertama (H1) 2015 disokong oleh pengukuhan permintaan domestik, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, eksport dan import menguncup 1.4% dan 2%. Walau bagaimanapun, eksport barangan pembuatan mencatat pertumbuhan sederhana, didorong terutamanya oleh permintaan produk elektrik dan elektronik (E&E).

Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia terdedah kepada perkembangan di peringkat global. Walau bagaimanapun, perubahan struktur yang dilaksanakan sejak beberapa tahun bagi mempelbagaikan ekonomi dan memperkukuh sistem kewangan telah meletakkan ekonomi negara pada landasan pertumbuhan yang lebih kukuh serta meningkatkan daya tahan untuk menghadapi cabaran luar. KDNK benar dijangka mencatat pertumbuhan 4.5% – 5.5% pada tahun 2015 (2014: 6%), disokong aktiviti ekonomi domestik berdaya tahan. Pendapatan negara seperti yang diukur melalui Pendapatan Negara Kasar (GNI), dijangka meningkat sebanyak 5.5% kepada RM1.13 trilion dengan pendapatan per kapita mencatat kadar pertumbuhan 4.2% kepada RM36,397 (2014: 8.6%; RM1.07 trilion; 7.2%; RM34,945).

Permintaan domestik yang disokong oleh perbelanjaan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan meskipun dalam ketidakpastian persekitaran luar. Penggunaan swasta dijangka kekal kukuh disokong oleh guna tenaga stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Pelaburan swasta dijangka berkembang pada kadar sederhana, sebahagian besarnya didorong oleh perbelanjaan modal sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pelaburan awam dijangka kembali pulih disokong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi daripada Kerajaan Persekutuan dan syarikat awam. Perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan dijangka terus berkembang terutamanya dipacu oleh pembinaan projek infrastruktur mega. Perbelanjaan modal syarikat awam akan bertumpu kepada sektor minyak dan gas (O&G), utiliti, pengangkutan dan komunikasi. Sementara itu, penggunaan awam dijangka mencatat pertumbuhan lebih rendah sejajar dengan inisiatif konsolidasi fiskal.

Dari segi penawaran, pertumbuhan pada tahun 2015 dijangka disokong oleh pengembangan semua sektor ekonomi terutamanya perkhidmatan dan pembuatan. Penggunaan domestik yang berdaya tahan dijangka meningkatkan pertumbuhan sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan, minuman dan penginapan. Sektor pembuatan dijangka terus berkembang disokong permintaan produk

E&E yang stabil. Selari dengan penggunaan domestik yang berdaya tahan dan pelaburan swasta yang kukuh, industri berorientasikan domestik seperti industri berkaitan pembinaan dan kelengkapan pengangkutan dijangka kekal cergas. Sektor pembinaan terus berkembang dipacu oleh pelaburan swasta dan projek Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang berterusan. Di samping itu, subsektor kediaman dijangka meningkat didorong oleh permintaan rumah mampu milik yang stabil. Sementara itu, sektor pertanian dijangka terus berkembang, disokong peningkatan pengeluaran subsektor minyak sawit dan komoditi makanan. Walaupun pelaburan dalam aktiviti huluan O&G berkurangan, sektor perlombongan dijangka berkembang disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah.

Pada tahun 2015, kedudukan sektor luar Malaysia dijangka terus menyederhana disebabkan kelemahan harga komoditi, penyusutan nilai ringgit, pertumbuhan lebih perlahan dalam kalangan ekonomi membangun pesat berkembang dan permintaan serantau yang kurang memberangsangkan. Oleh itu, Malaysia dijangka mencatat penurunan dalam lebihan akaun semasa dalam lingkungan 1.5% – 2.5% daripada GNI terutamanya didorong oleh lebihan akaun barangan dan perkhidmatan yang lebih rendah. Eksport dijangka menguncup 0.7%, dan import (-1.2%). Sementara itu, defisit akaun perkhidmatan dijangka meningkat terutamanya disebabkan oleh terimaan perjalanan bersih lebih rendah.

Sungguhpun volatiliti pasaran kewangan global, akaun kewangan akan mengekalkan aliran dua hala dengan FDI dijangka meningkat disokong oleh keyakinan terhadap fundamental makroekonomi dan prospek pertumbuhan ekonomi domestik. Syarikat Malaysia akan terus melabur di luar negeri untuk meningkatkan pendapatan serta menambah nilai pemegang saham dan meluaskan syer pasaran dalam sektor tertentu. Pada tahun 2015, aliran portfolio dijangka kekal tidak menentu, berikutan jangkaan kenaikan kadar faedah US Federal Reserves (Fed), kebimbangan terhadap perkembangan ekonomi China yang semakin perlahan dan kesan harga komoditi ke atas prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, rizab antarabangsa yang kukuh, pasaran modal mendalam dan asas pelabur yang pelbagai akan mengurangkan aliran keluar portfolio.

Inflasi mencatat purata 1.9% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 berbanding 3.3% dalam tempoh yang sama pada tahun 2014. Meskipun dengan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015, inflasi kekal pada paras terkawal. Keadaan ini disebabkan oleh harga runcit minyak yang lebih rendah dengan pelaksanaan mekanisma apungan terkawal harga minyak. Tambahan pula, senarai barangan berkadar sifar yang merangkumi 30% daripada bakul Indeks Harga Pengguna (CPI) telah membantu mengimbangi kesan GST. Memandangkan prospek jangka pendek bagi harga komoditi dan inflasi global masih lemah, inflasi domestik dijangka dalam lingkungan 2% – 2.5% pada tahun 2015.

JADUAL 3.1

**KDNK mengikut Sektor
2014 – 2016**

(pada harga malar 2010)

	% KDNK	% Pertumbuhan		
	2015 ¹	2014	2015 ¹	2016 ²
Pertanian	8.9	2.1	1.3	1.3
Perlombongan	8.8	3.3	3.5	4.0
Pembuatan	22.9	6.2	4.5	4.3
Pembinaan	4.4	11.8	8.8	8.4
Perkhidmatan	53.8	6.5	5.7	5.4
KDNK	100.0	6.0	4.5 - 5.5	4.0 - 5.0

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Prestasi Mengikut Sektor

Dari sudut penawaran, semua sektor mencatat pertumbuhan positif dalam tempoh H1 2015, kecuali sektor pertanian. Pertumbuhan terus dipacu oleh sektor perkhidmatan disokong pengukuhan aktiviti berkaitan penggunaan seperti subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan, minuman dan penginapan. Sementara itu, pertumbuhan lebih tinggi subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyokong peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terpenting kepada pertumbuhan dalam tempoh tersebut. Pertumbuhan sektor pembuatan meningkat disebabkan permintaan luar untuk produk E&E bertambah baik. Sektor pembinaan terus berkembang walaupun sederhana dengan penyiapan beberapa projek utama infrastruktur awam dalam H1 2015. Sementara itu, subsektor kediaman meningkat marginal terutamanya disebabkan oleh kelulusan pembiayaan pembelian rumah dan pelancaran jualan rumah yang lebih rendah. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan sifar manakala sektor perlombongan terus berkembang dipacu peningkatan pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat).

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan kekal kukuh

Sektor perkhidmatan meningkat 5.7% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 6.6%) sebahagian besarnya dipacu oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan yang mapan. Pada tahun 2015, sektor perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan 5.7% merangkumi 53.8% daripada KDNK (2014: 6.5%; 53.5%). Kumpulan **perkhidmatan perantara** dijangka meningkat 5.7% (2014: 5.9%) disokong subsektor komunikasi dan maklumat serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, kumpulan **perkhidmatan akhir** dijangka meningkat 6.8% (2014: 7.3%) diterajui subsektor perdagangan borong dan runcit; makanan, minuman dan penginapan serta perkhidmatan lain.

Subsektor perdagangan borong dan runcit masih meningkat 7.9% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 8.9%) disokong perbelanjaan pengguna lebih tinggi, terutamanya sebelum pelaksanaan GST. Segmen perdagangan borong terus meningkat 9.2% (H1 2014: 8.4%) disokong jualan borong petrol, diesel dan bahan pembinaan serta bahan mentah pertanian termasuk getah, minyak sawit dan ternakan. Segmen runcit berkembang 7.4% (H1 2014: 10.2%) didorong jualan di kedai khusus dan bukan khusus bagi peralatan isi rumah, komunikasi dan maklumat serta makanan, minuman dan tembakau. Di samping itu, karnival Jualan Mega 1Malaysia yang bertujuan mempromosi negara sebagai destinasi utama membeli-belah dan penambahan ruang perniagaan runcit seperti pasar raya besar, *superstore* berskala besar serta *departmental store* turut menyumbang kepada pertumbuhan segmen tersebut. Pada akhir bulan Julai 2015, terdapat 189 pasar raya besar, *superstore* dan *departmental store* milikan asing beroperasi di seluruh negara (akhir bulan Julai 2014: 186). Sementara itu, segmen kenderaan bermotor menyederhana kepada 4.8% (H1 2014: 6.6%) disebabkan jualan alat ganti dan aksesori serta kenderaan baharu dan terpakai yang lebih perlahan. Pada tahun 2015, subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka meningkat 7.6% (2014: 8.9%) disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh.

Subsektor makanan, minuman dan penginapan meningkat 7% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 6.1%) berikutan perbelanjaan yang lebih tinggi semasa cuti sekolah dan musim perayaan serta aktiviti berkaitan pelancongan. Pada tahun 2015, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 6.2% (2014: 6.5%) disokong aktiviti pelancongan domestik dan ketibaan pelancong asing melalui pelbagai promosi dan kempen pelancongan.

Insiden penerbangan pada tahun 2014 serta kebimbangan mengenai keselamatan, bencana alam dan persekitaran ekonomi luar yang mencabar menjejaskan ketibaan pelancong. Dalam tempoh suku pertama (Q1) 2015, bilangan ketibaan pelancong menguncup 8.6% kepada 6.5 juta (Q1 2014: 10%; 7.1 juta) dengan kemerosotan paling ketara direkodkan pelancong dari China (-27.1%), Singapura (-18.6%) dan Indonesia (-0.8%). Oleh yang demikian, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dan program untuk mencergaskan kembali sektor pelancongan. Inisiatif dan program ini termasuk memudahkan keperluan visa dan melanjutkan tempoh tinggal pelancong dari negara terpilih. Di samping itu, beberapa kempen dilaksanakan untuk meningkatkan aktiviti pelancongan termasuk MyFEST 2015, *Grand Prix* KL, karnival Jualan Mega 1Malaysia dan Cuti-Cuti 1Malaysia DEKAT JE.

Dalam segmen Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE), bilangan pelawat dijangka mencatat seramai 184,243 daripada 266 acara, menjana hasil sebanyak RM1.5 bilion pada tahun 2015 (2014: 267,271; 379 acara; RM1.8 bilion). Prestasi ini disokong oleh aktiviti promosi di pasaran baharu dan berpotensi, termasuk Australia, China, Eropah, India dan Republik Korea

JADUAL 3.2

Prestasi Sektor Perkhidmatan**2014 – 2016**

(pada harga malar 2010)

	% KDNK	% Pertumbuhan		
	2015 ¹	2014	2015 ¹	2016 ²
Perkhidmatan perantara				
Kewangan dan insurans	7.1	2.3	1.5	1.6
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	4.4	8.0	7.9	7.1
Komunikasi dan maklumat	5.7	9.7	9.7	9.6
Pengangkutan dan penyimpanan	3.5	5.2	5.4	5.0
Perkhidmatan akhir				
Perdagangan borong dan runcit	14.7	8.9	7.6	6.5
Makanan, minuman dan penginapan	2.8	6.5	6.2	6.0
Utiliti	2.6	3.8	4.5	4.0
Perkhidmatan lain	4.4	4.8	5.9	5.0
Perkhidmatan kerajaan	8.6	6.1	2.7	3.0
Jumlah	53.8	6.5	5.7	5.4

¹ Anggaran.² Unjuran.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

(ROK). Di samping itu, program Kesatria 1Malaysia juga diperkenalkan bagi meningkatkan kerjasama dengan persatuan industri untuk menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah acara antarabangsa.

Subsektor kewangan dan insurans menyederhana 1.1% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 1.8%). Segmen kewangan meningkat 1.5% (H1 2014: 1.7%) disebabkan pertumbuhan lebih perlahan dalam pendapatan faedah bersih dan fi. Jumlah permohonan pinjaman terus merosot 1.5% kepada RM387 bilion (H1 2014: -0.8%; RM393 bilion), manakala jumlah pinjaman yang diluluskan meningkat semula 3.8% kepada RM196 bilion (H1 2014: -1.1%; RM189 bilion) disumbang oleh sektor perniagaan. Segmen insurans merosot 0.5% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 2.5%) berikutan tuntutan dan manfaat insurans adalah lebih tinggi. Subsektor kewangan dan insurans dijangka berkembang walaupun pada kadar lebih perlahan 1.5% pada tahun 2015 (2014: 2.3%).

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang 6.9% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 7.9%). Dalam tempoh tersebut, segmen perkhidmatan perniagaan mencatat pertumbuhan 7.6% (H1 2014: 9%). Pertumbuhan ini sebahagiannya dipacu permintaan mapan bagi perkhidmatan profesional, terutamanya perkhidmatan kejuruteraan dalam sektor pembinaan serta perkhidmatan komputer dan perakaunan berikutan peralihan kepada sistem GST. Sementara itu, segmen hartanah meningkat 5.4% (H1 2014: 5.8%) disokong oleh transaksi harta tanah perindustrian

yang kembali meningkat 4.7% dan transaksi harta tanah komersial yang sederhana 1.6% (H1 2014: -3.3%; 6.5%). Prestasi ini membantu mengimbangi kesan penurunan dalam transaksi harta tanah kediaman. Pada tahun 2015, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan 7.9% (2014: 8%).

Dalam tempoh H1 2015, subsektor komunikasi dan maklumat kekal kukuh 9.5% (H1 2014: 9.8%) berikutan permintaan tinggi ke atas internet mudah alih terutamanya perkhidmatan data dan komputer. Prestasi juga disokong oleh permintaan lebih tinggi untuk perisian GST dan permintaan mapan bagi perkhidmatan komunikasi. Pada akhir bulan Jun 2015, langganan telefon selular meningkat marginal 0.7% kepada 44.2 juta untuk mencapai kadar penembusan 144.8% (akhir bulan Jun 2014: 3%; 43.9 juta; 145.8%), dengan segmen prabayar mendominasi 81% daripada jumlah langganan. Pertumbuhan marginal ini disebabkan oleh perubahan ketara dalam citarasa pengguna kepada saluran komunikasi *Over-the-Top* (OTT) dan media sosial. Oleh itu, terdapat penurunan mendadak dalam penggunaan panggilan dan SMS.


Kadar langganan perkhidmatan jalur lebar mudah alih telah berkembang pantas sebahagiannya didorong oleh produk "Peranti Pintar dengan Pakej Internet" di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP). Segmen jalur lebar merekod 27.9 juta langganan pada akhir bulan Jun 2015 dengan jalur lebar mudah alih mewakili peratusan terbesar, (85%). Selain itu, pada awal tahun 2015, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah mengumumkan harga pakej jalur lebar asas akan dikurangkan selaras dengan hasrat untuk mentransformasikan Malaysia sebagai negara digital. Sehubungan itu, syarikat telekomunikasi telah menurunkan harga sehingga 50% dan melancarkan pakej jalur lebar mampu milik yang baharu.

Pertumbuhan segmen jalur lebar dijangka kekal memberangsangkan disokong oleh pelbagai langkah Kerajaan untuk memperkukuh dan meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara. Ini termasuk Inisiatif Jalur Lebar Nasional (NBI) yang menyediakan kemudahan dan infrastruktur melalui pelaksanaan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar untuk Masyarakat Umum (BBGP). Inisiatif Kerajaan melalui kerjasama awam-swasta (PPP) bersama Telekom Malaysia (TM) telah melaksanakan projek HSBB di Lembah Klang, Iskandar Malaysia dan beberapa kawasan industri terpilih. Pada bulan Jun 2015, projek HSBB telah menghubungkan 1.7 juta port mencatat sejumlah 823,000 langganan meliputi 685,000 rumah dan 138,000 perniagaan (bulan Jun 2014: 747,000; 626,000; 121,000). Sementara itu, di bawah BBGP, jalur lebar dilaksanakan di seluruh negara melalui pelbagai teknologi seperti *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL), 3G/ *High-Speed Downlink Packet Access* (HSDPA) dan *Worldwide Interoperability for Microwave Access* (WiMAX).

Projek USP merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan penggunaan ICT di kalangan rakyat di kawasan kampung. Projek tersebut dilaksanakan melalui

CARTA 3.1

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

¹ Anggaran.² Termasuk langganan data bayar bila guna.

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, tujuh pelabuhan utama (Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pulau Pinang, Johor, Bintulu, Kuching dan Kuantan), Malaysia Airports Holdings Berhad, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

inisiatif Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M), juga dikenali sebagai Wi-Fi Komuniti (WK) yang menyediakan akses percuma internet tanpa wayar di kampung terpilih seluruh negara. Tambahan lagi, Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) telah ditubuhkan sebagai hab pengetahuan dan latihan ICT. Pada 30 Jun 2015, sebanyak 5,860 WK dan 562 PI1M (akhir bulan Jun 2014: 4,737; 431) telah diwujudkan di kawasan luar bandar seluruh negara. Pada tahun 2015, pertumbuhan subsektor ini dijangka kekal kukuh pada 9.7% (2014: 9.7%).

Dalam tempoh H1 2015, *subsektor pengangkutan dan penyimpanan* terus meningkat 5.6% (H1 2014: 4.8%) disebabkan operasi lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang yang lebih tinggi. Segmen pengangkutan darat meningkat 5.6% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 6.1%). Jumlah kenderaan di lebuhraya bertol meningkat 6.6% kepada 898.8 juta (H1 2014: 4.1%; 843.4 juta) disebabkan peningkatan trafik semasa musim perayaan berikutan harga minyak yang lebih rendah. Bagi pengangkutan awam bandar, jumlah penumpang rel¹ di Lembah Klang meningkat 3.1% kepada 114.2 juta (H1 2014: 5.5%; 110.8 juta) berikutan penambahbaikan kecekapan perkhidmatan dan peningkatan kekerapan. Sementara itu, bilangan penumpang bas² meningkat 5.7% kepada 77.3 juta (H1 2014: 1.7%; 73.1 juta) dan hasil meningkat kembali sebanyak 5.4% kepada RM99.1 juta (H1 2014: -12.2%; RM94 juta). Peningkatan ini didorong oleh penambahbaikan kecekapan dan rangkaian perkhidmatan bas Rapid melalui pengenalan Sistem Integrasi Bas serta pelancaran perkhidmatan Bas Aliran Deras (BRT) laluan Sunway.

Jumlah kargo Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) merosot 20.3% kepada 2.9 juta tan metrik (H1 2014: 9.7%; 3.6 juta tan metrik) dengan hasil berkurangan 2.8% kepada RM72.3 juta (H1 2014: 9.2%; RM74.4 juta). Ini disebabkan oleh peningkatan kadar kargo, kekurangan lokomotif bagi *landbridge* dari laluan Stesen Padang Besar dan penutupan sektor Gemas – Gua Musang untuk kerja pembaikan dan naik taraf. Selain itu, bilangan penumpang KTMB Antarabandar terus menguncup 31.1% kepada 0.8 juta (H1 2014: -18%; 1.2 juta) manakala hasil merosot sebanyak 31.3% kepada RM22.4 juta (H1 2014: -17%; RM32.6 juta). Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh banjir besar di Pantai Timur pada akhir tahun 2014 menyebabkan penggantungan lapan perkhidmatan kereta api. Sementara itu, bilangan penumpang *Electric Train Service* (ETS) merosot 2% kepada 804,000 (H1 2014: 12.8%; 820,000). Walau bagaimanapun, jumlah hasil daripada perkhidmatan ETS dijangka meningkat kepada RM78.4 juta pada tahun 2015 (2014: 44.3 juta) berikutan peluasan operasi ETS ke laluan baharu iaitu KL – Padang Besar pada bulan Julai; dan KL – Gemas, Gemas – Butterworth serta Gemas – Padang Besar pada bulan Oktober.

Segmen pengangkutan air kembali pulih sebanyak 1.2% (H1 2014: -2.9%) disebabkan aktiviti pelabuhan yang lebih kukuh. Prestasi ini dicerminkan melalui peningkatan dalam segmen fret dengan perkhidmatan kargo mencatat pertumbuhan positif. Jumlah kendalian kontena di pelabuhan utama³ meningkat 8.4% kepada 11.6 juta *twenty-foot equivalent unit* (TEU) (H1 2014: 5.1%; 10.7 juta TEU). Tambahan pula, Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mencatat jumlah TEU yang lebih tinggi. Jumlah TEU di Pelabuhan Klang meningkat kepada 5.8 juta merangkumi 50% daripada jumlah keseluruhan kendalian kontena (H1 2014: 5.3 juta TEU; 49.4%) manakala jumlah TEU di PTP meningkat kepada 4.4 juta (38.4%) (H1 2014: 4.1 juta TEU; 38.2%). Pelabuhan Klang dan PTP, pelabuhan kontena utama di negara ini, terus tersenarai di antara 20 pelabuhan kontena utama di dunia. Menurut *Containerisation International Report*, dari segi TEU yang dikendalikan pada tahun 2014, Pelabuhan Klang berada di tangga ke-12 manakala PTP ke-18. Beberapa inisiatif termasuk Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan (LTFM) yang dilancarkan pada bulan Mac tahun 2015 akan meningkatkan rangkaian sambungan ke Pelabuhan Klang dan sistem giliran baharu di PTP dipercayai dapat menambah baik operasi pelabuhan, pelepasan kargo dan perkhidmatan kontena pada masa hadapan.

Dalam tempoh H1 2015, segmen pengangkutan udara meningkat sederhana sebanyak 2.4% (H1 2014: 4.9%) berikutan penurunan bilangan ketibaan penumpang dan pengendalian kargo udara. Segmen penumpang udara mencatat pertumbuhan marginal 0.4% kepada 42.6 juta (H1 2014: 12%; 42.4 juta). Sementara itu, jumlah kargo udara menyederhana 2.9% kepada 498,255 tan metrik (H1 2014: 7.1%; 484,238 tan metrik) disebabkan perdagangan serantau yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, subsektor ini dijangka terus meningkat kepada 5.4% pada tahun 2015 (2014: 5.2%) disebabkan pembukaan laluan baharu, promosi syarikat penerbangan yang lebih agresif serta program insentif bagi menggalakkan syarikat penerbangan baharu dan sedia ada untuk membawa lebih banyak penumpang.

Sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih tinggi dalam tempoh H1 2015, *subsektor utiliti* meningkat 3.8% (H1 2014: 3.1%). Segmen elektrik dan gas terus berkembang 3.3% (H1 2014: 3.1%). Penggunaan elektrik meningkat 2.2% kepada 73,938 juta kilowatt-jam (kWj) (Januari – Julai 2014: 5.3%; 72,318 juta kWj) dengan segmen perindustrian, perniagaan dan perlombongan menyumbang 77.5% kepada jumlah penggunaan elektrik manakala segmen domestik dan lampu awam sebanyak 22.5%. Penjana elektrik meningkat 1.9% dengan agihan maksimum sebanyak 12,223 juta kWj pada bulan Mac 2015 (Januari – Julai 2014: 4%; 11,901 juta kWj; bulan Mei). Sementara itu, penggunaan gas meningkat 8.2% kepada 77.5 juta

¹ Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, KL Monorail, Express Rail Link dan KTM Komuter.

² RapidKL, RapidPenang dan RapidKuantan.

³ Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pulau Pinang, Johor, Bintulu, Kuching dan Kuantan.

British thermal unit (mmBtu) (H1 2014: 5.8%; 71.6 juta mmBtu) dengan jualan gas meningkat 23.3% kepada RM1,541 juta (H1 2014: 12.8%; RM1,250 juta). Prestasi jualan gas yang lebih tinggi didorong oleh pemanjangan saluran paip gas asli ke kawasan industri baharu. Pada tahun 2014, Gas Malaysia Bhd telah menyiapkan 86.4 km saluran paip gas asli dengan 80.8 km dijangka siap menjelang akhir tahun 2015.

Segmen air, pembetulan dan pengurusan sisa berkembang 6.2% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 2.9%). Permintaan bekalan air oleh pengguna meningkat 1.2% kepada 15,546 juta liter sehari (jlh) (H1 2014: 1%; 15,364 jlh) berikutan peningkatan akses kepada bekalan air di kawasan sedia ada serta kediaman, industri dan komersial baharu. Inisiatif utama Kerajaan untuk menangani masalah kekurangan air adalah dengan meningkatkan paras dan rizab margin sedia ada melalui pembinaan loji rawatan air (LRA) baharu dan menaiktaraf LRA sedia ada. Sementara itu, aktiviti pembenihan awan akan diteruskan untuk meningkatkan paras takungan yang turun semasa kemarau. Pada tahun 2015, subsektor ini dijangka meningkat lebih tinggi sebanyak 4.5% (2014: 3.8%).

Subsektor perkhidmatan lain berkembang 4.7% (H1 2014: 4.8%) disokong aktiviti pendidikan dan kesihatan swasta yang lebih tinggi. Sehingga akhir bulan Julai 2015, terdapat 510 institusi pendidikan tinggi swasta di seluruh negara (akhir bulan Julai 2014: 513) terdiri daripada sembilan kampus cawangan universiti asing, 95 universiti swasta dan kolej universiti serta 406 kolej swasta. Jumlah pesakit asing di hospital swasta dijangka mencatat 854,000 orang dan menjana hasil sebanyak RM854 juta pada tahun 2015 (2014: 881,751; RM776.6 juta). Peningkatan hasil disebabkan kadar kompetitif yang ditawarkan oleh penyedia penjagaan kesihatan. Subsektor perkhidmatan lain dijangka berkembang 5.9% pada tahun 2015 (2014: 4.8%) disokong permintaan serantau yang kukuh ke atas penjagaan kesihatan dan pendidikan swasta yang berkualiti terutamanya dari rantau ASEAN. Sementara itu, *subsektor perkhidmatan kerajaan* meningkat 4% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 7.2%) dicerminkan peningkatan emolumen yang sederhana. Pada tahun 2015, subsektor ini dijangka menyederhana kepada 2.7% (2014: 6.1%).

Sektor Pembuatan

Prestasi sederhana sektor pembuatan

Nilai ditambah **sektor pembuatan** berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.9% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 7.2%). Output sektor ini menyederhana kepada 4.8% (Januari – Julai 2014: 6.6%) manakala nilai jualan barangan pembuatan meningkat marginal sebanyak 0.1% kepada RM379.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2015 (Januari – Julai 2014: 7.7%; RM379.5 bilion). Output **industri berorientasikan eksport**

meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 5.3% (Januari – Julai 2014: 5.6%) disebabkan permintaan global yang lemah. Pengeluaran **industri berorientasikan domestik** menyederhana kepada 3.3% (Januari – Julai 2014: 9.5%) berikutan prestasi lebih perlahan bagi kelengkapan pengangkutan dan produk makanan. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh prestasi lebih baik kluster berkaitan pembinaan. Sektor pembuatan terus menarik pelaburan domestik dan asing berdasarkan projek yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bernilai RM49.5 bilion dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: RM47.4 bilion). Gaji purata setiap pekerja sektor ini kekal stabil pada RM2,897 manakala produktiviti mereka meningkat 5.4% (Januari – Julai 2014: RM2,772; 4%). Walau bagaimanapun, kadar penggunaan kapasiti susut sedikit kepada 75.5% dalam tempoh Q2 2015 (Q2 2014: 80.4%) mencerminkan keadaan perniagaan yang sederhana. Dalam suasana permintaan luar yang lebih perlahan, sektor pembuatan dijangka berkembang 4.5% pada tahun 2015 (2014: 6.2%) disokong oleh aktiviti ekonomi domestik berdaya tahan.

Pengeluaran *E&E* berkembang 7.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2015 (Januari – Julai 2014: 13.3%). Pertumbuhan disokong terutamanya oleh pengeluaran barangan elektronik pengguna yang meningkat ketara sebanyak 102% manakala jentera dan peralatan (M&E) berkembang 5.7% (Januari – Julai 2014: 9.4%; 5.2%). Industri E&E ini dijangka akan terus dipacu oleh penyelidikan, pengkomersilan dan inovasi melalui *Internet of Things* dan semikonduktor berteknologi canggih. Sementara itu, nisbah *book-to-bill Semiconductor Industry Association* (SIA) melebihi 1 dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, merupakan petanda baik bagi industri semikonduktor Malaysia. Prestasi ini diperkukuhkan lagi oleh *World Semiconductor Trade Statistics* (WSTS) yang menjangkakan jualan semikonduktor di pasaran global meningkat 3.4% bagi tahun 2015. Unjuran jualan di Amerikas meningkat 3.7% dan Asia Pasifik berkembang 7%. Pelaburan yang diluluskan bagi industri domestik E&E mencatat RM4.5 bilion dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: RM7.3 bilion).

Pengeluaran *kimia dan produk kimia* terus meningkat 6.6% (Januari – Julai 2014: 0.3%) disokong peningkatan permintaan dan pengeluaran gas perindustrian atau perubatan bukan organik dalam bentuk cecair atau mampat (23.1%); kimia organik asas (12.3%); serta produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani (10.7%) (Januari – Julai 2014: -6.3%; 3.5%; 6.8%). Sementara itu, pengeluaran *kayu dan produk kayu* berkembang 7.1% (Januari – Julai 2014: 5%) sebahagian besarnya disokong permintaan lebih tinggi untuk perabot kayu dan rotan dengan output meningkat 6.5% serta papan partikel dan gentian bertambah 35.4% (Januari – Julai 2014: 2.4%; 5.9%). Eksport kayu gergaji meningkat 17% (Januari – Ogos 2014: 5.1%) terutamanya ke Thailand, Belanda, China, Jepun dan Singapura. Prestasi positif keseluruhan subsektor keluaran kayu disebabkan permintaan lebih tinggi dari AS, Singapura dan Australia.

JADUAL 3.3

Indeks Pengeluaran Pembuatan Januari – Julai (2010 = 100)

	Indeks		% Pertumbuhan		% Bahagian kepada Jumlah	
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
Industri berorientasikan eksport	117.9	124.1	5.6	5.3	73.2	73.6
Produk elektronik dan elektrik	128.5	138.6	13.3	7.9	25.8	26.5
Kimia dan produk kimia	121.8	129.9	0.3	6.6	14.5	14.7
Pembuatan produk petroleum bertapis	108.4	110.6	2.0	2.0	18.9	18.4
Kayu dan produk kayu	103.8	111.1	5.0	7.1	3.5	3.6
Pemprosesan di luar estet	103.8	103.8	5.0	0.0	3.9	3.7
Produk getah	130.1	135.6	-0.2	3.4	2.7	2.7
Produk kertas	111.2	114.0	-1.2	2.5	2.8	2.7
Tekstil, pakaian, produk kulit dan kasut	114.2	122.4	11.5	7.2	1.3	1.3
Industri berorientasikan domestik	128.1	132.4	9.5	3.3	26.8	26.4
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	119.0	127.6	5.5	7.2	4.1	4.2
Produk logam yang direka	161.1	166.9	2.8	3.6	4.2	4.1
Logam asas	102.2	104.8	2.7	2.5	3.4	3.3
Kelengkapan pengangkutan	149.4	160.5	22.8	7.6	6.8	7.0
Produk makanan	123.1	116.6	8.7	-5.2	6.0	5.4
Minuman	114.0	130.5	19.8	14.4	0.9	1.0
Produk tembakau	103.3	112.2	-9.5	8.6	0.5	0.5
Lain-lain	106.6	103.2	6.8	-3.1	0.9	0.8
Jumlah	120.5	126.2	6.6	4.8	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengeluaran *produk getah* meningkat semula kepada 3.4% (Januari – Julai 2014: -0.2%) terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran sarung tangan (3.1%) dan tayar kenderaan (5.9%) mendapat manfaat daripada harga bahan mentah yang lebih rendah. Nilai jualan sarung tangan getah meningkat semula dengan ketara kepada 24.6% (Januari – Julai 2014: -5.1%) menunjukkan permintaan global yang kukuh untuk sarung tangan getah walaupun permintaan semakin meningkat bagi sarung tangan nitril. Industri berasaskan getah mendapat manfaat daripada pengukuhan dolar AS berikutan kebanyakan kos bahan mentah dalam ringgit manakala jualan dalam dolar AS.

Permintaan domestik yang kukuh terus menyokong aktiviti pembuatan berorientasikan domestik, meskipun keadaan jualan sederhana di luar negeri. Pengeluaran *bahan berkaitan pembinaan* berkembang 4.5% (Januari – Julai 2014: 3.7%) dengan peningkatan bagi pengeluaran *produk galian bukan logam* (7.2%), *produk logam yang direka* (3.6%) dan *produk logam asas* (2.5%) (Januari – Julai 2014: 5.5%; 2.8%; 2.7%). Subsektor ini disokong oleh pelaburan swasta yang berterusan dan projek di bawah RMKe-10 seperti Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC), Ammonia-Urea Sabah (SAMUR) dan Lebuhraya Pantai Barat.

Pengeluaran *kelengkapan pengangkutan* bertambah 7.6% (Januari – Julai 2014: 22.8%), terutamanya disokong oleh


pengeluaran alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor yang mencatat pertumbuhan kukuh 34.9% manakala pengeluaran motosikal berkembang 8.7% (Januari – Julai 2014: 10.2%; -0.9%). Walau bagaimanapun, pembinaan kapal dan bot menyederhana 10.2% (Januari – Julai 2014: 59%). Jumlah pengeluaran kenderaan penumpang dan komersial meningkat 3.7% kepada 417,654 unit dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 4.4%; 402,688 unit). Sementara itu, jualan kenderaan bermotor merosot kepada 434,282 unit (Januari – Ogos 2014: 444,551 unit) disebabkan kekurangan optimis perniagaan dan sentimen pengguna.

Pembuatan *produk makanan* menyusut 5.2% (Januari – Julai 2014: 8.7%) terutamanya disebabkan oleh pengeluaran lebih rendah produk minyak sawit bertapis sebanyak 16% (Januari – Julai 2014: 18.2%). Walau bagaimanapun, pengeluaran produk tenusu meningkat pada kadar yang lebih kukuh 18.9%, berikutan peningkatan ketara pengeluaran susu pekat, tepung dan sejat 19.6% (Januari – Julai 2014: 1.2%; 1.1%). Pertumbuhan pengeluaran *minuman* pula terus mencatat peningkatan kukuh 14.4% (Januari – Julai 2014: 19.8%) disebabkan oleh permintaan domestik lebih tinggi semasa musim perayaan serta peningkatan permintaan serantau. Sementara itu, pengeluaran *produk tembakau* meningkat semula dengan ketara sebanyak 8.6% (Januari – Julai 2014: -9.5%).

CARTA 3.2

Keluaran Sektor Pembuatan

(% pertumbuhan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.3

Prestasi Industri Terpilih

(% pertumbuhan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.4

Output Sektor Pembuatan: Bahan Berkaitan Pembinaan

Januari – Julai

(2010 = 100)

	% Pertumbuhan		% Bahagian	
	2014	2015	2014	2015
Bahan berkaitan pembinaan	3.5	4.5	11.7	11.7
antaranya:				
Kaca dan produk kaca	11.4	1.1	0.8	0.8
Pengeluaran galian bukan logam t.t.t.l.	4.1	8.7	3.3	3.4
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	3.1	-3.3	1.6	1.5
Produk lain yang direka daripada logam; aktiviti perkhidmatan kerja logam	2.6	7.7	2.6	2.7
Besi dan keluli asas	0.2	3.1	2.3	2.3
Logam asas berharga dan logam bukan ferus lain	8.4	1.2	1.1	1.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.5

Output Sektor Pembuatan: Subsektor E&E

Januari – Julai

(2010 = 100)

	% Pertumbuhan		% Bahagian	
	2014	2015	2014	2015
Komponen dan papan elektronik	16.6	-3.2	15.0	13.9
Komputer dan kelengkapan peranti	2.6	-2.1	2.7	2.5
Peralatan komunikasi	28.8	-1.8	1.6	1.5
Peralatan elektronik pengguna	9.3	102.0	2.4	4.6
Motor elektrik, penjana, transformer dan perkakasan pengagihan dan pengawalan elektrik	1.4	6.6	0.6	0.6
Pendawaian dan peranti pendawaian	4.3	4.0	0.8	0.8
Perkakasan domestik	37.2	-4.2	0.4	0.3
Pemasangan produk logam, jentera dan kelengkapan	5.2	5.7	2.4	2.4
Jentera kegunaan umum	-9.3	2.9	1.0	1.0
Jentera kegunaan khas	20.2	7.9	1.3	1.4
Jumlah E&E	13.3	7.9	25.8	26.5

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.6

Nilai Ditambah Sektor Pertanian 2014 – 2015

(pada harga malar 2010)

	% Pertumbuhan		% Bahagian	
	2014	2015 ²	2014	2015 ²
Pertanian	2.1	1.3	100.0	100.0
Kelapa sawit	2.4	0.8	46.8	46.6
Getah	-19.2	0.9	6.7	6.7
Ternakan	7.9	5.8	10.5	11.0
Pertanian lain ¹	8.0	3.0	17.5	17.8
Perhutanan dan pembalakan	2.8	-6.6	7.8	7.1
Perikanan	2.1	2.2	10.7	10.8

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas.

² Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.7

Keluasan Tanaman, Hasil dan Pengeluaran Kelapa Sawit 2014 – 2015

			% Pertumbuhan	
			2014	2015 ²
Keluasan tanaman (‘000 hektar)	5,392	5,600	3.1	3.9
Kawasan matang (‘000 hektar)	4,689	4,861	3.6	3.7
Hasil (tan/hektar)¹	18.63	19.56	-2.1	5.0
Pengeluaran (‘000 tan metrik)				
Minyak kelapa sawit	19,667	19,850	2.4	0.9
Minyak isirung kelapa sawit	2,277	2,350	0.3	3.2

¹ Hasil buah tandan segar.

² Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sektor Pertanian

Pertumbuhan komoditi makanan lebih kukuh

Nilai ditambah **sektor pertanian** merosot 4.7% dalam tempoh Q1 2015 disebabkan oleh banjir besar tetapi diimbangi oleh peningkatan semula sebanyak 4.6% dalam tempoh Q2. Kesannya, pertumbuhan sifar dicatatkan dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 4.6%). Prestasi yang sederhana ini, terutamanya disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pengeluaran komoditi makanan berkembang kukuh dalam tempoh H1 2015 berikutan usaha Kerajaan memperkukuh rantai bekalan makanan. Dalam tempoh H2 2015, pertumbuhan sektor ini dijangka meningkat semula disokong oleh pengeluaran minyak sawit dan getah yang lebih tinggi. Tambahan pula, subsektor komoditi makanan dijangka terus menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah penduduk luar bandar serta mewujudkan peluang pekerjaan berikutan amalan agronomi yang berkesan dan promosi sara diri bagi menambahkan pengeluaran makanan serta pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengusaha pertanian. Pada tahun 2015, sektor pertanian dianggarkan berkembang 1.3%, merangkumi 8.9% daripada KDNK (2014: 2.1%; 9.2%).

Nilai ditambah *subsektor kelapa sawit* merosot 0.4% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 7.8%) berikutan pengeluaran CPO lebih rendah. Pengeluaran CPO menyusut 0.2% kepada 9 juta tan metrik (H1 2014: 8%; 9.1 juta tan metrik) terutamanya disebabkan oleh pengurangan hasil buah tandan segar (Q1 2015: -12.7%) dan kadar perahan minyak (OER) (Q1 2015: -1.8%) akibat hujan lebat dan banjir besar pada awal tahun 2015. Walau bagaimanapun, pengeluaran CPO meningkat 1.2% kepada 12.9 juta tan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 8.1%; 12.8 juta tan metrik) dipacu oleh peningkatan pengeluaran yang lebih tinggi sejak Q2 2015. Prestasi ini dijangka terus berkembang

hingga akhir tahun 2015 dipacu oleh permintaan lebih tinggi pasaran domestik sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan program biodiesel B7. Pada tahun 2015, jumlah pengeluaran CPO dijangka meningkat 0.9% kepada 19.9 juta tan metrik (2014: 2.4%; 19.7 juta tan metrik).

Jumlah kawasan tanaman kelapa sawit berkembang 4.6% kepada 5.6 juta hektar pada akhir bulan Jun 2015 (akhir Jun 2014: 3.1%; 5.3 juta hektar), dengan syarikat perladangan swasta merangkumi bahagian terbesar sebanyak 61.4%. Ini diikuti oleh kawasan pekebun kecil yang diuruskan oleh FELDA 12.7%, FELCRA 3.1% dan RISDA 1.4%. Kawasan selebihnya dimiliki pekebun kecil bebas (15.3%) dan agensi Kerajaan lain (6.1%). Dalam tempoh H2 2015, kawasan tanaman kelapa sawit dijangka meningkat dengan pembukaan 11,417 hektar kawasan penanaman baharu terutamanya di Sarawak (8,528 hektar), Pahang (836 hektar) dan Kelantan (666 hektar). Sementara itu, pertambahan kawasan baharu yang akan matang adalah terutamanya di Sabah (5,875 hektar), Sarawak (5,754 hektar) dan Pahang (3,989 hektar).

Harga purata CPO menyusut kepada RM2,165 setan metrik dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015 (Januari – September 2014: RM2,489 setan metrik) dan pernah mencatat harga terendah RM1,802 setan metrik pada 27 Ogos 2015. Kejatuhan harga ini berpunca daripada permintaan global yang lebih rendah, tekanan daripada saingan harga minyak kacang soya dan minyak bijan serta kejatuhan harga minyak mentah. Pada tahun 2015, harga CPO dijangka mencatat purata RM2,200 setan metrik (2014: RM2,413 setan metrik).

Nilai ditambah *subsektor getah* meningkat semula 0.9% (H1 2014: -13.2%) disokong oleh pengeluaran getah yang kembali pulih sebanyak 0.6% kepada 345,371 tan metrik (H1 2014: -13.2%; 343,437 tan metrik). Walau bagaimanapun, pengeluaran getah berkurang 0.9%

JADUAL 3.8

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2014 – 2015

			% Pertumbuhan	
	2014	2015 ¹	2014	2015 ¹
Jumlah kawasan (‘000 hektar)	1,066	1,088	0.8	2.1
Kebun kecil	986	993	0.6	0.7
Estet	80	95	3.5	18.7
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,350	1,407	-1.2	4.2
Estet	1,556	1,560	1.8	0.3
Jumlah pengeluaran (‘000 tan metrik)	669	675	-19.1	1.0
Kebun kecil	613	619	-20.3	0.9
Estet	56	57	-2.8	1.0
% daripada pengeluaran dunia	5.5	5.4		

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

dalam tempoh tujuh bulan pertama 2015 (Januari – Julai 2014: -15.7%) berikutan permintaan lemah terutamanya dari China serta keadaan cuaca yang tidak menentu. Pada tahun 2015, pengeluaran getah dijangka kembali pulih 1% kepada 675,000 tan metrik (2014: -19.1%; 668,613 tan metrik) disebabkan peningkatan aktiviti penorehan oleh pekebun kecil. Ini berikutan langkah Kerajaan menyemak semula Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang akan memberi manfaat kepada pekebun kecil di seluruh negara. IPG telah diperkenalkan pada bulan Januari 2015 bagi membantu pekebun kecil ketika menghadapi kejatuhan harga getah. Berkuat kuasa mulai 1 September 2015, harga pengaktifan IPG telah disemak semula kepada RM5.10 sekilogram daripada RM4.60 sekilogram getah SMR 20. Insentif getah sekerap (50 peratus kandungan getah kering) juga dinaikkan kepada RM2 sekilogram. Ini juga akan membantu mengekalkan pengeluaran tahunan getah bagi memenuhi keperluan industri hiliran serta mengurangkan import getah asli. Oleh itu, subsektor getah dijangka meningkat semula 0.9% pada tahun 2015 (2014: -19.2%) walaupun permintaan dari China lebih rendah.

Kawasan tanaman getah dijangka meningkat 2.1% kepada 1.09 juta hektar pada tahun 2015 (2014: 0.8%; 1.07 juta hektar), dengan 0.8 juta hektar (72.8%) di Semenanjung Malaysia dan 0.3 juta hektar (27.2%) di Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah pengeluaran getah, pekebun kecil dianggap menghasilkan 92% manakala selebihnya daripada estet. Pada masa ini, Malaysia kekal sebagai pengeluar keenam terbesar getah asli dengan menyumbang 5.5% kepada jumlah bekalan dunia. Harga purata getah SMR 20 kekal rendah pada RM5.26 sekilogram dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015 (Januari – September 2014: RM5.73 sekilogram). Kelemahan harga tersebut mencerminkan kelembapan permintaan negara pesat berkembang, terutama dari China. Dengan mengambil kira permintaan

JADUAL 3.9

Pengeluaran Pertanian Lain 2014 – 2015

	('000 tan metrik)		% Pertumbuhan	
	2014	2015 ³	2014	2015 ³
Koko	2.7	3.0	-5.1	12.6
Padi	2,864	3,322	10.0	16.0
Ternakan				
Daging ¹	272	272	-0.4	-0.1
Ayam-itik	1,496	1,550	2.6	3.7
Telur (juta)	11,961	12,233	4.9	2.3
Susu (juta liter)	75	79	1.8	4.3
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ²	1,119	1,248	2.8	11.6
Lada	28	29	3.8	3.6
Sayur-sayuran	1,657	1,830	0.4	10.5
Kelapa (juta unit)	654	680	4.6	4.1
Bunga (juta keratan)	509	621	5.0	22.0

¹ Termasuk daging lembu, kambing dan khinzir.² Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, mangga, manggis, pisang, rambutan dan nanas.³ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Lembaga Lada Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kewangan Malaysia.

luar yang lebih lemah, harga getah SMR 20 dijangka kekal pada purata RM5.20 sekilogram pada tahun 2015 (2014: RM5.55 sekilogram).

Selari dengan peningkatan perbelanjaan pengguna bagi makanan, nilai ditambah komoditi makanan yang terdiri daripada ternakan, perikanan dan pertanian lain, berkembang 3.2% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 5.9%). Nilai ditambah *subsektor ternakan* meningkat 3.7% (H1 2014: 7.4%) didorong oleh peningkatan pengeluaran ayam-itik dan telur. *Subsektor perikanan* berkembang 2.2% (H1 2014: 1.6%) dengan peningkatan segmen ikan laut (2.3%) dan akuakultur (2%). Sementara itu, *subsektor pertanian lain* menunjukkan pertumbuhan sederhana 3.5% (H1 2014: 7.7%), dipacu peningkatan nilai ditambah buah-buahan (7.3%) dan sayur-sayuran (5.2%). Walau bagaimanapun, *subsektor perhutanan dan pembalakan* merosot 14.3% (H1 2014: 1.2%) berikutan pengeluaran kayu balak yang lebih rendah di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

Sektor Perlombongan

Pengeluaran minyak mentah lebih tinggi

Sektor perlombongan meningkat kukuh 7.8% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 1%) sebahagian besarnya dipacu oleh pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) yang lebih tinggi yang mengimbangi pengurangan pengeluaran gas asli. Pengeluaran *minyak mentah (termasuk kondensat)* mencatat pertumbuhan 12.3%

JADUAL 3.10

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2014 - 2015

	2014	2015 ³	% Pertumbuhan	
			2014	2015 ³
Minyak mentah				
Pengeluaran ¹ ('000 bpd)	603	630	4.7	4.5
Rizab (bilion barel)	5.79	5.95	-1.0	2.8
Rizab / pengeluaran (tahun)	28	27		
Gas asli				
Pengeluaran ² (jkps)	6,331	6,420	1.0	1.4
Rizab (trilion kaki padu)	100.7	103.9	2.4	3.2
Rizab / pengeluaran (tahun)	42	44		

¹ Termasuk kondensat.² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.³ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: PETRONAS dan Kementerian Kewangan Malaysia.

kepada 665,876 barel sehari (bpd) dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 0.1%; 584,138 bpd). Prestasi tinggi ini dipacu oleh pengurusan simpanan minyak yang efektif dan usaha peningkatan pengeluaran di medan minyak sedia ada. Walaupun harga minyak mentah lebih rendah, operasi fasa pengeluaran sedia ada di pelantar akan diteruskan. Oleh itu, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka meningkat sederhana 4.5% kepada 630,000 bpd pada tahun 2015 (2014: 4.7%; 602,815 bpd).

Pengeluaran gas asli merosot 1.5% kepada 6,155 juta kaki padu standard sehari (jkps) dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 0.3%; 6,251 jkps), sebahagiannya disebabkan oleh penyelenggaraan berjadual di beberapa loji gas asli cecair (LNG). Walau bagaimanapun, pengeluaran bagi tahun 2015 dijangka meningkat perlahan 1.4% kepada 6,420 jkps pada tahun 2015 (2014: 1%; 6,331 jkps) meskipun dalam persekitaran harga LNG yang rendah. Sehubungan itu, nilai ditambah sektor perlombongan dijangka berkembang 3.5% pada tahun 2015 (2014: 3.3%), disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dan gas asli.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015, harga purata Dated Brent merosot 48.1% kepada USD55.4 sebarel (pb) (Januari – September 2014: -1.9%; USD106.6 pb). Pada 24 Ogos 2015, harga Dated Brent terus menyusut ke paras terendah USD40.7 pb sejak tahun 2009. Harga minyak mentah global dijangka kekal rendah dengan purata USD50 pb pada tahun 2015 disebabkan lebih penawaran dan permintaan yang lemah. Sejak tahun 2014, pengeluaran sumber minyak mentah dalam negara bukan anggota OPEC telah meningkat, terutamanya minyak syal. Tambahan

pula, OPEC tidak akan mengurangkan pengeluaran mereka bagi mengekalkan syer pasaran. Harga minyak yang rendah terus terjejas dengan pertumbuhan global yang sederhana termasuk kelembapan ekonomi China.

Sektor Pembinaan


Sektor pembinaan terus berkembang

Nilai ditambah **sektor pembinaan** berkembang pada kadar sederhana 7.7% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 14.5%) disebabkan aktiviti kejuruteraan awam dan kediaman yang perlahan. Subsektor kediaman merupakan penyumbang tertinggi (27.7%) diikuti kejuruteraan awam (27.1%), bukan kediaman (26.4%) dan aktiviti pembinaan khusus (18.8%). Dari segi nilai jumlah kerja, pembinaan yang telah siap dalam tempoh H1 2015 meningkat 11.6% kepada RM56 bilion dengan 20,056 projek pembinaan berdaftar (H1 2014: 15.7%; RM50 bilion; 19,649 projek). Subsektor bukan kediaman menyumbang peratusan tertinggi (34.7%), diikuti kejuruteraan awam (30.4%), kediaman (30.2%) dan aktiviti pembinaan khusus (4.7%). Sektor swasta terus mendominasi aktiviti pembinaan dengan sumbangan 67.7% dalam tempoh H1 2015. Sektor pembinaan dijangka berkembang 8.8% pada tahun 2015 (2014: 11.8%).

Subsektor kejuruteraan awam menyederhana kepada 1.3% (H1 2014: 6.2%) berikutan penyiapan beberapa projek infrastruktur utama. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sederhana ini diimbangi oleh projek pembinaan yang dimulakan pada tahun 2015 dalam industri O&G, seperti projek penyaluran paip dan kemudahan berkaitan di Kompleks LNG Petronas (PLC) Bintulu serta kemudahan marin dan jeti di Terminal Petroleum Laut Dalam Pengerang. Aktiviti penambakan tanah secara besar-besaran di Johor Selatan turut menyokong pertumbuhan subsektor ini. Selain itu, pembinaan baharu terminal laut dalam Pelabuhan Kuantan dan Lebuh raya Pan-Borneo; kerja menaik taraf jalan termasuk Lebuh raya Pulau Indah; jalan raya Bintulu – Samalaju serta projek persimpangan bertingkat dan lorong ketiga di Kota Kinabalu, akan terus menyokong pertumbuhan sektor pembinaan dalam jangka masa sederhana.

Subsektor kediaman berkembang sederhana 9.8% (H1 2014: 22.1%) sebahagiannya disebabkan penurunan kelulusan perumahan baharu 32.9% kepada 66,770 unit (H1 2014: 37.3%; 99,461 unit). Keadaan ini mencerminkan sentimen berhati-hati pemaju perumahan dalam persekitaran tidak menentu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan telah ditampung oleh penawaran akan datang yang kukuh 13.8% (H1 2014: 10.3%). Dalam tempoh H1 2015, Lembah Klang terus menguasai penawaran akan datang 29% daripada jumlah penawaran (H1 2014: 28.9%). Unit mula dibina meningkat semula sebanyak 38% kepada 100,712 unit (H1 2014: -1.8%; 72,935 unit),

CARTA 3.4


Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

CARTA 3.5


Indeks Harga Rumah Malaysia

(% pertumbuhan)




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

CARTA 3.6

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.



Sisipan 1

Sorotan Utama Trend Harga Rumah

Harga Purata Semua Rumah

Harga purata semua rumah yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia¹ (MHPI) telah menunjukkan trend meningkat sejak tahun 2005 dan mencatat kadar pertumbuhan tahunan satu angka sehingga tahun 2012. Pada tahun 2009, kadar pertumbuhan MHPI lebih perlahan kepada 1.5% berikutan penguncupan ekonomi domestik disebabkan krisis kewangan global 2008/2009. Harga rumah telah meningkat berikutan pemulihan ekonomi negara. Trend pertumbuhan dua angka mula ditunjukkan dalam Q2 2011 tetapi merekod pertumbuhan satu angka dalam Q3 2011. MHPI kembali mencatatkan peningkatan dua angka selama lapan suku tahunan berturut-turut dengan peningkatan tertinggi 12.2% pada Q3 2013.

Dalam tempoh 2004 – 2014, kadar pertumbuhan purata berkompoun (CAGR) MHPI meningkat sebanyak 6.3%. Bagi tempoh 2010 – 2014, CAGR melonjak kepada 10.3%. Harga purata di empat negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak serta Kuala Lumpur terus melebihi harga purata semua rumah sejak tahun 2004. Harga purata semua rumah mencecah RM300,000 dalam tempoh H1 2015. Data awal Q2 2015 menunjukkan MHPI merekodkan 220.2 mata. Ini menunjukkan harga purata semua rumah telah melebihi dua kali ganda sejak tahun 2000. Di peringkat nasional pada tahun 2014, harga median rumah (RM242,000) melebihi pendapatan tahunan median isi rumah (RM55,020) sebanyak 4.4 kali berbanding norma global bagi kemampuan perumahan sebanyak 3 kali ganda.

Membendung Kenaikan Harga Rumah

Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan beberapa garis panduan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab bagi menggalakkan hutang isi rumah yang mapan pada tahun 2012 dan 2013. Ini termasuk nisbah maksimum *loan-to-value* pada 70% ke atas harta ketiga; tempoh maksimum pinjaman perumahan dihadkan kepada 35 tahun daripada 45 tahun sebelum ini; pertimbangan pemberian pinjaman mengambil kira obligasi pembayaran balik hutang dan pendapatan selepas potongan berkanun. Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa langkah dalam Bajet 2014 bagi membendung aktiviti spekulasi secara berlebihan dalam pasaran harta tanah. Ini termasuk meningkatkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) daripada 15% kepada 30% bagi pelupusan harta tanah dalam tempoh pegangan sehingga 3 tahun; meningkatkan harga minimum harta tanah daripada RM500,000 kepada RM1 juta bagi pembelian asing; mensyaratkan lebih ketelusan bagi harga jualan harta tanah; dan memansuhkan Skim Faedah Pemaju (DIBS).

Langkah untuk meredakan spekulasi ini telah menunjukkan kesan positif dengan peningkatan lebih perlahan MHPI 11.6% pada tahun 2013 (2012: 11.8%) dan seterusnya pertumbuhan satu angka sebanyak 9.4% pada tahun 2014. Dari segi suku tahunan, kadar pertumbuhan MHPI mula sederhana kepada satu angka iaitu 9.6% sejak Q4 2013 (Q3 2013: 12.2%) dan berterusan perlahan kepada 7.8% pada Q1 2015 dan 5.9% pada Q2 2015. Garis panduan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab turut mendorong pertumbuhan sederhana hutang isi rumah daripada 15.1% (2010) kepada 9.4% (2014) dan seterusnya 7.9% (Ogos 2015). Pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi pembelian harta kediaman juga perlahan daripada 15.2% (2010) kepada 13.6% (2014) dan 11.4% (Ogos 2015).

Aktiviti Pasaran Terkini

Aktiviti pasaran harta kediaman sederhana pada H1 2015 seperti ditunjukkan melalui transaksi dan penyusutan nilai. Transaksi harta kediaman menguncup 2.6% kepada 119,604 manakala nilai menyusut 9.7% kepada RM36.4 bilion pada H1 2015 (H1 2014: 2.3%; 122,830 transaksi; 19.4%; RM40.3 bilion). Bilangan transaksi kediaman juga mencatat kemerosotan tahunan pada H1 2015 di empat negeri utama iaitu Johor (-17.9%), Pulau Pinang (-14.2%), WP Kuala Lumpur (-6.4%) dan Selangor (-1.8%). Unit kediaman pelancaran baharu menguncup 44.1% kepada 27,231 unit pada H1 2015 (H1 2014: 56.3%; 31,155 unit) berikutan sentimen berhati-hati dalam kalangan pemaju perumahan. Unit kediaman tidak terjual meningkat 8.9% kepada 10,473 unit pada H1 2015 berbanding H1 2014 (-16%; 11,491 unit). Unit kediaman dalam pembinaan yang tidak terjual meningkat pada kadar tahunan 32.7% kepada 67,126 unit pada H1 2015 (H1 2014: 4.7%; 50,588 unit) dengan Johor menyumbang peratusan paling tinggi kepada jumlah unit tidak terjual iaitu sebanyak 23.3%.

CARTA 1

Indeks Harga Rumah Malaysia dan Perubahan Tahunan



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

¹ MHPI yang dikumpul oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara merupakan indeks berasaskan urus niaga, menggunakan data jualan semua urus niaga perumahan di negara. Tahun 2000 sebagai tahun asas.

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Kementerian Kewangan Malaysia.

disokong oleh pangsapuri perkhidmatan yang meningkat 28.3% (28,541 unit) serta kondominium/pangsapuri berkembang sebanyak 22.5% (22,673 unit). Jualan unit kediaman meningkat sebanyak 31.4% kepada 8,542 unit dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 23.8%; 11,588 unit).

Nilai transaksi harta tanah menyusut 6.6% kepada RM76.6 bilion, manakala jumlah transaksi menguncup 3.5% kepada 186,661 transaksi dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 19.3%; RM82 bilion; 3.3%; 193,403 transaksi). Bagi membendung aktiviti spekulasi harta kediaman, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif seperti Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) serta langkah makroprudential oleh institusi kewangan untuk menggalakkan pemberian pinjaman bertanggungjawab yang telah menunjukkan kesan sederhana dalam pasaran harta kediaman. Sehubungan itu, jumlah transaksi harta kediaman (64% daripada jumlah urus niaga harta tanah), menguncup 2.6% kepada 119,604 transaksi (H1 2014: 2.3%; 122,830 transaksi), manakala nilai menyusut 9.7% kepada RM36.4 bilion (H1 2014: 19.4%; RM40.3 bilion). Transaksi harta kediaman merosot di Kuala Lumpur (-6.4%), Selangor (-1.8%), Johor (-17.9%) dan Pulau Pinang (-14.2%). Kediaman yang tidak terjual pula menguncup 8.9% kepada 10,473 unit dengan jumlah nilai RM4.8 bilion dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: -16%; 11,491 unit; RM4 bilion). Walau bagaimanapun, unit kediaman dalam pembinaan yang tidak terjual meningkat 32.7% kepada 67,126 unit (H1 2014: 4.7%; 50,588 unit). Johor mencatat unit tidak terjual paling tinggi sebanyak 23.3% daripada jumlah keseluruhan unit tidak terjual.

Harga rumah terus meningkat meskipun pada kadar perlahan. Indeks Harga Rumah Malaysia menyederhana kepada 5.9% (Q2 2014: 8.5%) pada Q2 2015 dan paling rendah sejak Q3 2010. Semua negeri terus mencatat pertumbuhan positif kecuali Kelantan (-1.5%). Perak mencatat peningkatan tertinggi iaitu 7.4%, diikuti oleh Pahang (7%), Sarawak (6.9%), Kedah (6.9%) dan Selangor (6.1%). Harga purata semua rumah di Malaysia berjumlah RM305,075 (Q2 2014: RM288,193) dengan peningkatan tertinggi dicatatkan oleh rumah berkembar 6.3%, diikuti oleh rumah teres (6.1%), unit bertingkat tinggi (4.8%) dan rumah sesebuah (4.8%).

Aktiviti pembinaan **subsektor bukan kediaman** meningkat 14.5% (H1 2014: 14.2%) dicerminkan melalui pengembangan penawaran akan datang, terutamanya bagi segmen kedai (27.8%), kompleks membeli-belah (11.3%) dan perindustrian (9.6%) (H1 2014: 8.7%, 20%, 0.2%). Pejabat Binaan Khas (PBO) mencatat peningkatan ketara bagi unit mula dibina 251,916 meter persegi (mp) meskipun terdapat penguncupan penawaran akan datang sebanyak 7.5% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 7,764 mp; -16.4%). Unit kedai tidak terjual meningkat 2.2% kepada 4,915 unit dengan jumlah nilai RM1.9 bilion dalam tempoh tersebut (H1 2014: 9%; 4,810 unit; RM1.5 bilion). Walau bagaimanapun, permintaan

untuk bangunan komersial kekal stabil dengan purata kadar penghunian bagi ruang pejabat meningkat 84.2% dan ruang perniagaan bertambah 81.6%. Prestasi ini mencerminkan permintaan mapan, terutamanya ruang komersial di kawasan utama. Pada bulan Jun 2015, stok sedia ada bagi PBO 19.8 juta mp manakala stok sedia ada bagi kompleks membeli-belah 13.2 juta mp (bulan Jun 2014: 19.1 juta mp; 12.4 juta mp).

Indeks Sewaan Pejabat Binaan Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PBO-RI WPKL) meningkat 3.5% kepada 123.7 mata dalam tempoh Q2 2015 (Q2 2014: 4.1%; 119.5 mata). Keadaan ini disebabkan pertumbuhan positif di empat kawasan, iaitu Kuala Lumpur City Centre-Golden Triangle (KLCC-GT), Central Business District (CBD), Within City Centre (WCC) dan Suburban. KLCC-GT mencatat peningkatan sewa tertinggi pada kadar 4.6% kepada RM5.72 sekaki persegi (psf), mengatasi purata sewa pejabat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur RM4.44 psf. Premium sewaan ini dipengaruhi oleh perkhidmatan dan kemudahan dinaik taraf yang disediakan di bangunan pejabat dalam kawasan KLCC-GT. Walau bagaimanapun, sewa di WCC mencatat peningkatan paling kecil antara empat kawasan, iaitu 2% kepada RM4.62 psf.

Prestasi Permintaan Domestik

Aktiviti domestik kekal kukuh

Permintaan domestik terus memacu pertumbuhan ekonomi pada tahun 2015 dan dijangka berkembang 5.9% (2014: 5.9%), walaupun persekitaran ekonomi luar tidak menentu. **Perbelanjaan sektor swasta** diterajui oleh aktiviti penggunaan yang kukuh, diunjur meningkat 6.9% (2014: 7.9%) dan kekal sebagai penggerak utama permintaan domestik. Sehubungan itu, peratusan perbelanjaan sektor swasta kepada KDNK dijangka meningkat kepada 69.7% (2014: 68.5%). Manakala, **perbelanjaan sektor awam** mengekalkan pertumbuhan disokong oleh DE Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal yang tinggi oleh syarikat awam. Pada tahun 2015, KDNK benar diunjur mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.5% – 5.5% (2014: 6%).

Pelaburan swasta dijangka berkembang 7.3% (2014: 11%), terutamanya disokong oleh aktiviti pelaburan sektor perkhidmatan dan pembuatan. Perbelanjaan modal sektor perkhidmatan akan bertumpu terutamanya aktiviti berkaitan pengguna seperti subsektor perdagangan borong dan runcit; makanan, minuman dan penginapan; serta komunikasi. Manakala, pelaburan sektor pembuatan akan didorong oleh subsektor berorientasikan eksport terutamanya E&E, kimia dan produk kimia serta M&E. Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) terus memacu pelaburan. Dalam tempoh H1 2015, sejumlah RM372.7 bilion pelaburan telah disalurkan

Rencana 1

Perubahan Struktur Ekonomi Malaysia

Pengenalan


Ekonomi Malaysia mencapai kemajuan signifikan sejak kemerdekaan seperti dicerminkan oleh kadar pertumbuhan yang memberangsangkan. KDNK benar meningkat secara purata sebanyak 6.4% setahun dalam tempoh tahun 1970 – 2014, manakala pendapatan per kapita meningkat lebih 25 kali ganda daripada USD347 pada tahun 1970 kepada USD10,677 pada tahun 2014. Pencapaian pertumbuhan ekonomi turut diiringi peningkatan ketara dalam kualiti hidup. Insiden kemiskinan keseluruhan telah berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 0.6% pada tahun 2014, manakala kemiskinan tegar telah dibasmi sepenuhnya. Pekali Gini mengecil daripada 0.513 kepada 0.401 dalam tempoh yang sama, mencerminkan pengagihan kekayaan yang saksama. Kadar celik huruf telah meningkat daripada 58% pada tahun 1970 kepada 95.2% pada tahun 2014. Perkhidmatan kesihatan juga telah bertambah baik pada tahun 2014 dengan jangka hayat kelahiran meningkat kepada 74.8 tahun. Pencapaian ekonomi dan sosial ini adalah hasil daripada perubahan struktur secara terancang yang telah mengubah Malaysia daripada ekonomi berteraskan pertanian kepada ekonomi yang memberi tumpuan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan moden.

Perubahan struktur ekonomi Malaysia boleh dilihat secara jelas melalui fasa pembangunan berikut:

- Fasa ekonomi berteraskan komoditi (1957 – 1970);
- Fasa pertama ekonomi berteraskan industri (1971 – 1986);
- Fasa kedua ekonomi berteraskan industri (1987 – 1996);
- Krisis kewangan Asia dan fasa pemulihan (1997 – 1999); dan
- Fasa ekonomi berteraskan pengetahuan (2000 dan tahun seterusnya).

CARTA 1

GNI per kapita (pada harga semasa)



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

Pertukaran Struktur Ekonomi Malaysia

Fasa ekonomi berteraskan komoditi (1957 – 1970)

Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia merupakan negara pertanian berpendapatan rendah yang bergantung sepenuhnya kepada komoditi utama, iaitu getah dan bijih timah. Pada tahun 1960, kedua-dua komoditi menyumbang 29.5% daripada KDNK, 40.3% daripada guna tenaga dan merangkumi kira-kira 63.6%

daripada eksport. Walau bagaimanapun, ekonomi berteraskan komoditi tidak mampu menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi bagi populasi yang berkembang pesat. Akibatnya, kadar pengangguran mencecah 6% pada tahun 1960. Turun naik pendapatan eksport yang tinggi disebabkan ketidakpastian harga komoditi menyebabkan negara sukar mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan.

Kerajaan telah memperkenalkan fasa pertama dasar penggantian import bagi menjana peluang pekerjaan dan mengurangkan import. Dasar ini bertujuan untuk mengembangkan industri pembuatan hiran, terutamanya barangan pengguna. Walau bagaimanapun, dasar penggantian import tidak dapat mewujudkan peluang pekerjaan seperti yang disasarkan dan pengeluaran adalah terhadap berikutan pasaran domestik yang kecil. Menjelang akhir tahun 1970, sektor pembuatan hanya menyediakan 9.2% daripada tenaga kerja dan menyumbang sebanyak 13.1% daripada jumlah pengeluaran¹. Secara keseluruhan, antara tahun 1957 dan 1970, pendapatan negara kasar (GNI) per kapita pada harga semasa meningkat sederhana pada kadar purata sebanyak 2.4% daripada RM788 kepada RM1,070.

Fasa pertama ekonomi berteraskan industri (1971 – 1986)

Fasa pembangunan ekonomi ini dipacu oleh matlamat menyeluruh Dasar Ekonomi Baru (DEB). Objektif utama DEB adalah membasmi kemiskinan dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta menyusun semula dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Sektor pertanian telah dipelbagaikan dengan pengenalan penanaman kelapa sawit berskala besar. Ini menjadikan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit terbesar di dunia pada tahun 1970-an. Dalam tempoh ini, Malaysia juga menerokai sektor minyak dan gas (O&G) dengan penubuhan PETRONAS pada bulan Ogos 1974. Sejak itu, Malaysia telah menjadi pengeksport minyak bersih².

Dari tahun 1971 hingga tahun 1985, langkah bersepadu untuk mengamalkan dasar berorientasikan eksport telah dilaksanakan bagi mempelbagaikan ekonomi dengan menggalakkan industri pembuatan ringan dalam bidang seperti elektronik, tekstil, kasut dan pakaian. Kebanyakan MNC memindahkan operasi bersifat pemasangan dan pemprosesan ke negara membangun berikutan peningkatan persaingan dan kos pengeluaran di negara maju. Malaysia memanfaatkan perkembangan ini dan menarik pelaburan asing dengan menyediakan insentif eksport, kredit pelaburan dan pengecualian cukai. Dalam tempoh tersebut, zon pemprosesan eksport telah dibangunkan bagi membantu MNC memainkan peranan penting dalam membawa masuk pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Insentif ini beserta dengan kebolehdapatan tenaga kerja separuh mahir berkongsi rendah memacu kebangkitan industri semikonduktor Malaysia.

Dasar penggantian import diperkenalkan semula pada tahun 1980-an melalui perindustrian berat milik Kerajaan. Dasar ini bertujuan untuk membangunkan projek domestik berskala besar, berintensif modal, berteknologi dan berkemahiran tinggi atau melalui usaha sama dengan syarikat asing. Usaha menggalakkan penggantian import perindustrian berat telah digiatkan lagi dengan penubuhan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada tahun 1981. Antara industri yang diberi tumpuan adalah petrokimia, besi dan keluli serta automotif. Industri ini menggunakan sumber asli negara, termasuk O&G untuk menghasilkan input pengantara serta memantapkan sektor pembuatan dengan mewujudkan rantaian *backward* dan *forward* yang kukuh untuk pembangunan industri lain. Ini adalah selaras dengan 'Dasar Pandang ke Timur' yang dilancarkan pada tahun 1981 bagi mencontohi dasar industrialisasi dan etika kerja rakyat Jepun dan Korea Selatan. Dasar penggantian import ini berjaya mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan daya tahan ekonomi domestik. Walau bagaimanapun, industri penggantian import tidak kompetitif berikutan dasar perlindungan yang dilaksanakan. Oleh itu, hanya beberapa industri berasaskan sumber sahaja yang mendapat faedah daripada polisi ini³.

Fasa kedua ekonomi berteraskan industri (1987 – 1996)

Kemelesetan ekonomi semasa pertengahan tahun 1980-an ditambah dengan strategi penggantian import milik Kerajaan yang terbatas menyebabkan Kerajaan mengkaji semula dasar perindustrian. Seterusnya, Kerajaan beralih kepada fasa kedua perindustrian yang turut dikenali sebagai 'fasa pelarasan dan liberalisasi'. Semasa fasa ini, Kerajaan giat mempromosi penyertaan sektor swasta melalui Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang menyediakan lebih banyak insentif bagi industri pembuatan, pertanian dan pelancongan. Usaha telah digiatkan lagi dengan pengenalan dasar penswastan pada pertengahan tahun 1980-an, bertujuan untuk


¹ Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja.

² Tidak termasuk produk petroleum.

³ Malaysia: *Policies and Issues in Economic Development*, ISIS, 2011.

CARTA 2

Peratusan kepada KDNK Benar mengikut Aktiviti Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3

Guna Tenaga mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan, Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

meningkatkan kecekapan dan produktiviti melalui penyertaan sektor swasta yang lebih aktif di samping mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan. Sekali lagi, industri berorientasikan eksport, terutamanya syarikat milikan asing menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Industri berorientasikan eksport juga mendapat manfaat daripada aliran keluar modal yang signifikan dari negara maju ke ekonomi membangun, termasuk Malaysia berikutan pengukuhan nilai yen di bawah Plaza Accord (1985). Pelaburan swasta benar meningkat ketara menyumbang kira-kira 36% daripada KDNK pada tahun 1996, dengan kebanyakan FDI disalurkan dalam sektor pembuatan.

Menurut United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), aliran FDI mencecah USD7,297 juta pada tahun 1996, terutamanya dari Amerika Syarikat (AS), Jepun, Taiwan dan Singapura. Sektor swasta menerajui pertumbuhan ekonomi manakala sektor awam memainkan peranan sebagai pemudahcara. Pelaburan awam memberi tumpuan kepada pengembangan kapasiti ekonomi. Ini dapat dilihat dalam pembinaan projek infrastruktur berskala besar seperti lapangan terbang, pelabuhan, jambatan, lebuh raya, landasan kereta api dan rel bandar untuk memenuhi peningkatan permintaan daripada ekonomi yang semakin berkembang.

Peralihan struktur ekonomi Malaysia daripada pertanian kepada pembuatan dicerminkan melalui perubahan komposisi KDNK. Antara tahun 1987 dan 1996, sektor pembuatan menjadi pemacu pertumbuhan dengan peratusan kepada KDNK meningkat kepada 29.1%, melebihi sektor pertanian (9.8%) serta menyediakan peluang pekerjaan bagi kira-kira 22% daripada tenaga kerja. Pada akhir tahun 1995, Malaysia merupakan pengeksport terbesar dunia bagi penyaman udara, semikonduktor, oleokimia dan produk berkaitan getah seperti sarung tangan, benang getah dan kateter. GNI per kapita berkembang pesat pada kadar 10.8% setahun, meningkat daripada RM4,537 pada tahun 1987 kepada RM11,400 pada tahun 1996.

Krisis kewangan Asia dan fasa pemulihan (1997 – 1999)

Era pertumbuhan pesat pada tahun 1990-an telah terganggu oleh krisis kewangan Asia pada tahun 1997/98. KDNK benar menguncup 7.4% pada tahun 1998, manakala pelaburan swasta menyusut 55.2%. Walau bagaimanapun, langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan untuk merangsang ekonomi. Antara langkah


tersebut termasuk kawalan modal dan tambatan ringgit kepada dolar AS pada RM3.80. Pemulihan ekonomi Malaysia turut disokong oleh perkembangan luar negara termasuk peningkatan kitaran elektronik dunia. Ini beserta dengan kadar pertukaran yang stabil telah menyokong pengembangan industri pembuatan berorientasikan eksport, terutamanya E&E. Pada tahun 1999, eksport barangan perkilangan menyumbang 84.7% daripada eksport kasar. Pada tahun yang sama, ekonomi kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan 6.1%. Jumlah perdagangan yang menyumbang lebih kurang 200% kepada KDNK telah menjadikan Malaysia antara ekonomi yang paling terbuka di rantau ini.

Fasa ekonomi berteraskan pengetahuan (2000 dan tahun seterusnya)

Ekonomi Malaysia kekal di landasan pertumbuhan stabil, dengan purata pertumbuhan 5.9% setahun dari tahun 2002 – 2007, kecuali pada tahun 2001 (0.5%) disebabkan oleh letusan gelembung teknologi atau krisis dot.com. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi berada di bawah kadar purata 9.2% yang dicapai dari tahun 1990 – 1997. Ini terutamanya disebabkan oleh pelaburan swasta yang lebih rendah selepas krisis kewangan Asia. Fenomena ini disebabkan oleh persaingan sengit bagi mendapatkan aliran FDI dari China, India dan Viet Nam; projek mega yang

CARTA 4


Komponen dalam Eksport (% daripada eksport)



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

CARTA 5

Kepelbagaian Pasaran Eksport (% daripada eksport)



¹ Ekonomi Perindustrian Baharu (NIE) merujuk kepada Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea.

² ASEAN-3 merujuk kepada Thailand, Indonesia dan Filipina.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

berkurangan; pelaburan berlebihan yang berpanjangan terutamanya dalam sektor harta tanah pada tahun 1990-an; kelemahan struktur seperti kekurangan pekerja mahir, produktiviti buruh dan inovasi yang rendah serta kerenah birokrasi. Di samping itu, terdapat trend peningkatan jumlah pelaburan langsung oleh syarikat Malaysia untuk mencari peluang pasaran yang lebih luas dan mendapat manfaat kebaikan bandingan di negara tuan rumah.


Semasa krisis kewangan Asia, Kerajaan telah menyedari keperluan untuk beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan memandangkan model dipacu oleh input tidak dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang disebabkan kebergantungan kepada tenaga buruh yang murah dan pengeluaran utama. Oleh itu, Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan telah diperkenalkan pada tahun 2002. Pelan ini bertujuan untuk mengubah negara menjadi sebuah ekonomi berasaskan inovasi melalui penambahbaikan kecekapan dan produktiviti bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pelan berkenaan telah terganggu akibat krisis kewangan global (2008) yang memberi impak kepada negara terutamanya melalui saluran kewangan dan perdagangan. Ekonomi negara menyusut 1.5% dengan eksport menguncup ketara sebanyak 10.9% pada tahun 2009. FDI merosot 78.6% pada tahun yang sama berbanding pertumbuhan positif sebanyak 32.9% pada tahun 2007.

Pada tahun 2010, Kerajaan telah melancarkan Program Transformasi Negara (NTP) untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi domestik dan memesatkan peranan sektor swasta dalam memacu pertumbuhan. Transformasi ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk beralih daripada ekonomi dipacu input kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan produktiviti bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat serta meningkatkan daya saing antarabangsa dalam jangka masa sederhana dan panjang. Walaupun faktor pengeluaran, iaitu buruh, modal, bahan mentah dan keusahawanan kekal penting, inovasi dan pengetahuan akan menjadi faktor utama yang memacu pertumbuhan; menghasilkan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi; dan menyediakan platform untuk kekal berdaya saing dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Menyedari usaha untuk menggalakkan pertumbuhan berasaskan pengetahuan dan inovasi; Malaysia telah dikenalpasti sebagai salah satu negara 'pencapai inovasi' dalam Indeks Inovasi Global 2015, mengatasi negara berpendapatan sederhana yang lain. Malaysia berada di kedudukan tiga teratas dalam import dan eksport berteknologi tinggi, mencerminkan kejayaan dalam integrasi rantai nilai global.

CARTA 6

Komposisi Pembentukan Modal Tetap Kasar Benar

(% daripada jumlah)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Hasil daripada pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada tahun 2010, sektor swasta telah muncul semula sebagai pemacu utama pertumbuhan dan menyumbang 68.5% kepada KDNK pada tahun 2014 dengan pelaburan sebanyak 17% dan penggunaan sebanyak 52.7% daripada KDNK. Dengan permintaan domestik menerajui pertumbuhan, peratusan sektor luar kepada KDNK menjadi lebih kecil. Walau bagaimanapun, struktur sektor luar telah menjadi lebih pelbagai dari segi pasaran dan produk. Pada tahun 2014, China, India dan ASEAN menyumbang 44.1% daripada jumlah eksport (2010: 41.2%) manakala bahagian ekonomi G3⁴ telah mengecil kepada 29% (2010: 31%). Hasil daripada usaha tahun-tahun sebelumnya, ekonomi Malaysia telah menjadi lebih menyeluruh dengan penampakan yang mencukupi untuk menangani kejutan.

Peratusan sektor perkhidmatan domestik kepada KDNK semakin meningkat apabila ekonomi menjadi matang, seperti yang dialami oleh negara maju. Sejalan dengan usaha Malaysia ke arah menjadi negara maju, terdapat perubahan dasar ke arah pembangunan bersepadu sektor perkhidmatan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Sektor perkhidmatan mempunyai kapasiti untuk menyokong dan meningkatkan industri lain kerana ia mempunyai rantai *backward* dan *forward* yang kukuh dengan seluruh ekonomi. Sehubungan itu, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dilancarkan pada tahun 2010, memberi tumpuan terutamanya kepada subsektor perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, komunikasi serta kewangan dan insurans. Pada tahun 2014, sektor perkhidmatan menyumbang 54% kepada KDNK dan 59% daripada jumlah tenaga kerja negara. Program transformasi yang diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 2010 telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang pesat antara tahun 2010 dan 2014. GNI per kapita terus meningkat daripada RM27,819 pada tahun 2010 kepada RM34,945 pada tahun 2014.

Kesimpulan

Kepelbagaian ekonomi telah dan kekal menjadi teras strategi pembangunan Malaysia. Daripada ekonomi berteraskan pertanian pada tahun 1970-an, ekonomi Malaysia kini lebih pelbagai dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan menjadi penyumbang utama sebanyak 77% kepada pertumbuhan ekonomi. Pembaharuan struktur yang dilaksanakan selama ini telah menghasilkan ekonomi yang lebih menyeluruh dan pelbagai, membolehkan Malaysia secara asasnya kekal kukuh dalam menghadapi ketidakpastian luar. Pada masa akan datang, Kerajaan akan terus mempercepat pelaksanaan pembaharuan yang meningkatkan produktiviti bagi menambahbaik kualiti modal insan dan mengukuhkan daya saing untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, di samping memastikan pertumbuhan kekal inklusif dan mapan.

Rujukan

1. *Laporan Tahunan, Bank Negara Malaysia – pelbagai tahun.*
2. Chee Peng Lim, *Changes in the Malaysian Economy and Trade Trend and Prospects*, 1983.
3. *Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan – pelbagai tahun.*
4. *Indeks Inovasi Global*, 2015.
5. Goh Soo Khoo, *The Impact of Global Financial Crisis: The Case of Malaysia*, 2010.
6. Ismail Muhd Salleh, *The Lessons of East Asia: Malaysia – Growth, Equity and Structural Transformation*, 1993.
7. *Rancangan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi – pelbagai tahun.*
8. *Malaysia: Policies and Issues in Economic Development*, ISIS, 2011.
9. Mohamed Arif, *The Malaysian Economic Experience and Its Relevance for the OIC Member Countries*, 1998.
10. Muhammad Abdul Mohit, *Structural Changes of the Malaysian Economy and its Spatial Incidence on Regional Economic Growth*, 2009.
11. *Statistik Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia – pelbagai tahun.*
12. Olaf Unterberdoerster, *What's Driving Private Investment in Malaysia? Aggregate Trends and Firm-Level Evidence*, 2006.
13. *World Investment Report, UNCTAD – pelbagai tahun.*
14. Zainal Aznam Yusof, *Economic Growth and Development in Malaysia: Policy Making and Leadership*, 2008.

⁴ Merujuk kepada AS, Kesatuan Eropah dan Jepun.

JADUAL 3.11

KDNK mengikut Permintaan Agregat 2014 – 2016

(pada harga malar 2010)


	% KDNK		% Pertumbuhan	
	2015 ³	2014	2015 ³	2016 ⁴
KDNK	100.0	6.0	4.5 – 5.5	4.0 – 5.0
Permintaan domestik¹	92.3	5.9	5.9	5.5
Perbelanjaan swasta	69.7	7.9	6.9	6.4
Penggunaan	52.7	7.0	6.8	6.4
Pelaburan	17.0	11.0	7.3	6.7
Perbelanjaan awam	22.5	0.4	2.8	2.7
Penggunaan	13.4	4.4	3.6	3.0
Pelaburan	9.2	-4.7	1.6	2.3
Sektor luar	7.8	12.8	-12.3	-4.4
Eksport ²	71.9	5.1	-0.8	0.9
Import ²	64.1	4.2	0.8	1.5

¹ Tidak termasuk perubahan dalam stok.² Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.³ Anggaran.⁴ Unjuran.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3.7

Komposisi Permintaan Agregat¹

(pada harga malar 2010)

¹ Tidak termasuk stok.² Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

kepada EPP. Pelaburan ini dijangka menjana RM546.8 bilion GNI menjelang tahun 2020. Lima koridor pembangunan ekonomi wilayah yang diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) terus menarik pelaburan domestik dan asing dalam bidang tumpuan utama yang merangkumi industri pembuatan, perkhidmatan dan O&G. Sehingga bulan Jun 2015, kesemua koridor pembangunan ekonomi wilayah telah menarik pelaburan komited bernilai RM497.2 bilion.

Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan menarik berikutan usaha berterusan Kerajaan dalam menyediakan persekitaran kompetitif serta mesra perniagaan. Perkembangan yang kondusif ini ditunjukkan oleh peningkatan **pelaburan yang diluluskan** oleh MIDA kepada RM113.5 bilion dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: RM112 bilion). Sebahagian besar pelaburan adalah dalam sektor perkhidmatan berjumlah RM61.7 bilion, merangkumi 54.4% daripada jumlah pelaburan diikuti sektor pembuatan RM49.5 bilion (43.6%). Dalam tempoh tersebut, 2,487 projek yang telah diluluskan berupaya menyediakan 101,785 peluang pekerjaan. Sebanyak 2,071 projek diluluskan dalam sektor perkhidmatan terutamanya bagi subsektor hartanah, pengangkutan, utiliti dan perkhidmatan kewangan. Dalam sektor pembuatan, sebahagian besar adalah pelaburan domestik yang menyumbang RM36.4 bilion manakala pelaburan asing RM13.1 bilion. Dari segi sumber pelaburan asing, tiga negara penyumbang tertinggi adalah Hong Kong (RM3.2 bilion), Jepun (RM2.6 bilion) dan AS (RM2.2 bilion). Dari segi lokasi, Perak dan Pulau Pinang menarik pelaburan

asing tertinggi masing-masing sebanyak RM2.6 bilion, diikuti Selangor (RM2.3 bilion) dan Melaka (RM1.5 bilion). Kebanyakan pelaburan domestik disalurkan dalam produk petroleum (68.9%), kelengkapan pengangkutan (14.1%) dan produk logam dibentuk (3.3%). Johor menarik pelaburan domestik tertinggi sebanyak RM25.9 bilion diikuti Melaka (RM4.7 bilion) dan Selangor (RM1.9 bilion).

Sungguhpun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar, Malaysia terus menarik aliran masuk **FDI**. Dalam tempoh H1 2015, Malaysia mencatat FDI bersih lebih tinggi bernilai RM22.4 bilion (H1 2014: RM17.9 bilion) terutamanya dari Jepun (RM8.1 bilion), AS (RM5.4 bilion) dan UK (RM1.3 bilion). Pelaburan disalurkan dalam sektor pembuatan (41.8%), perlombongan dan kuari (38.7%) serta perkhidmatan (17.6%). Malaysia menduduki tangga keenam daripada 110 negara bagi destinasi pelaburan paling menarik mengikut *Baseline Profitability Index* (BPI) oleh majalah Foreign Policy pada tahun 2015 (2014: tangga ke-11). Pengiktirafan baik ini menunjukkan Malaysia menyediakan persekitaran mesra perniagaan yang menjadikan negara destinasi pelaburan menarik dan menguntungkan. Selain itu, Malaysia telah memperbaiki kedudukannya kepada tangga ke-18 (2014: tangga ke-20) dalam *Global Competitiveness Report 2015 – 2016* oleh World Economic Forum (WEF).

Pelaburan awam dijangka kembali pulih, meningkat 1.6% pada tahun 2015 (2014: -4.7%). Pemulihan ini dipacu oleh perbelanjaan modal syarikat awam dan DE

JADUAL 3.12

Pelaburan Komited di Lima Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah (Akhir bulan Jun 2015)

Koridor	RM bilion	Projek Utama dalam Pembinaan
Iskandar Malaysia	172.5	• Forest City • Sunway Iskandar • Jade Palace • Nusajaya Downtown • Mid Valley Southkey Megamall • Tebrau Bay Waterfront City • Danga Bay Waterfront
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	149.2	• Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP) • Sandakan City Centre (SCC) • Sabah Agro-Industrial Precinct (SAIP) • Pembangunan KK Waterfront • Pusat Konvensyen Teknologi Antarabangsa (ITCC)
Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	78.0	• Projek Bersepadu Pelancongan Genting • Kilang Pembuatan Kimia Aromatik • Kilang Simen Bersepadu • Peluasan Pelabuhan Kuantan
Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)	66.9	• Syarikat Pembuatan Modular Solar • Pembangunan Bersepadu Waterfront City • Designer Village • Syarikat Pembuatan Sarung Tangan Pemeriksaan Perubatan dan Industri
Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)	30.6	• Kilang Petro-kimia • Kilang Pembuatan Penguraian Aluminium • Kilang Polisilikon • Hab Halal

Sumber: Koridor pembangunan ekonomi wilayah yang berkaitan.

Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi. PETRONAS akan terus memainkan peranan yang aktif dalam industri O&G, dengan memberi tumpuan kepada projek hiliran dan huluan seperti Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Projek LNG Terapung (FLNG) 1 & 2 di Labuan dan medan Kebabangan di pesisir pantai Sabah. Selain itu, projek laluan Sungai Buloh – Kajang (MRT Line 1) yang sedang dalam pembinaan dan juga laluan baharu Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (MRT Line 2) oleh syarikat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) akan menyumbang kepada perbelanjaan modal yang lebih tinggi. Sementara itu, perbelanjaan modal oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB) lebih bertumpu kepada meningkatkan penjanaan dan pengagihan bekalan elektrik di Pahang, Perak dan Selangor. Bagi DE Kerajaan Persekutuan pula, perbelanjaan didorong oleh pembinaan projek infrastruktur awam. Sebahagian besar DE disalurkan kepada sektor ekonomi untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan pengeluaran ekonomi. DE ini termasuk projek seperti Lebuhraya Pan-Borneo, Lebuhraya Pantai Barat, Central Spine Road dan Lebuhraya Pantai Timur serta projek Landasan Berkembar Gemas – Johor Bahru. Sementara itu, perbelanjaan modal bagi sektor perkhidmatan sosial diperuntukkan bagi meningkat dan menambah baik perkhidmatan penting seperti pendidikan dan latihan, R&D&C,

penjagaan kesihatan dan perkhidmatan kebajikan serta pembinaan rumah mampu milik untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Penggunaan swasta akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi pada kadar sederhana sebanyak 6.8% (2014: 7%), kurang sedikit daripada purata kadar pertumbuhan jangka panjang sebanyak 7.3% (2000 – 2014), sebahagiannya disebabkan oleh kesan sementara pelaksanaan GST pada Q2 2015. Perbelanjaan penggunaan terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil, kadar inflasi terkawal dan harga minyak lebih rendah. Selain itu, peningkatan dalam amaun Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada isi rumah dan individu yang disasarkan serta bantuan tunai kepada kakitangan awam semasa sambutan Aidilfitri membantu meningkatkan perbelanjaan pengguna. Penggunaan swasta yang berdaya tahan dicerminkan melalui penunjuk penggunaan utama seperti peningkatan import barangan penggunaan sebanyak 16.4% dan pengeluaran kredit penggunaan 2.9% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Pertumbuhan **penggunaan awam** dijangka sederhana 3.6% (2014: 4.4%). Perkembangan ini selaras dengan inisiatif berterusan untuk merasionalisasi dan mengoptimum perbelanjaan Kerajaan tanpa menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Sisipan 2

Pembangunan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) – Status terkini

- Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merangkumi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing, Johor.
- Sejak dimulakan pada tahun 2007, ECER telah menarik RM78 bilion pelaburan, menyumbang 71% daripada jumlah sasaran sebanyak RM110 bilion menjelang tahun 2020. Tambahan pula, sejumlah 76,120 pekerjaan telah diwujudkan.
- Sebahagian besar daripada pelaburan adalah dalam pembuatan (57%), diikuti oleh pelancongan (17%) dan bioekonomi (7%).
- Dari sudut agihan pelaburan swasta dan guna tenaga, Pahang merupakan penerima terbesar dengan pelaburan berjumlah RM39.5 bilion dan 36,636 pekerjaan, diikuti Terengganu (RM25.1 bilion; 24,087 pekerjaan), Kelantan (RM11.8 bilion; 13,687 pekerjaan) dan Timur Laut Johor (RM1.61 bilion; 1,710 pekerjaan).
- Tujuh nod telah dikenalpasti bagi mempromosi integrasi bandar-luar bandar dan memastikan keseimbangan pembangunan ekonomi, seperti jadual berikut:

JADUAL 1

Pelaburan Mengikut Nod Pertumbuhan ECER

Nod	Pelaburan ¹ (RM bilion)	Projek
1 Zone Ekonomi Khas (ECER SEZ)	37.5	• Peluasan Pelabuhan Kuantan • Kawasan Perindustrian Malaysia-China Kuantan • Biopark Kuantan Bersepadu • Biopolimer Taman Kertih • Taman Automotif Pekan
2 Pembangunan Merentasi Sempadan	5.1	• Hub Halal Pasir Mas • Pusat Kutipan, Pemprosesan dan Pembungkusan Pengkalan Kubor • Hub Perikanan Tok Bali • Kota Bharu City Centre • Konurbasi Jeli-Bukit Bunga
3 KTCC – Kenyir – Dungun	5.1	• Pembangunan Kuala Terengganu City Centre • Pembangunan Pelancongan Pesisir Dungun • Hub Herba Pasir Raja • Pusat Pembiakan Biri-biri Kuala Berang • Ladang Pembiakan Kambing Telaga Papan
4 Mersing – Rompin	2.7	• Ladang Nanas Bersepadu Rompin • Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu di Muadzam Shah • Taman Negara Endau-Rompin • Pulau Pelancongan Persisiran Pantai di Mersing, Johor
5 Gua Musang – Kuala Lipis	6.3	• Pengurusan Taman Bersepadu Lojing Highlands • Ekopelancongan Lanchang – Kuala Lipis – Gua Musang – Kuala Krai • Projek Agropolitan Selatan Kelantan
6 Bentong – Raub	5.8	• Taman Tema Genting Highlands • Pusat Peranginan Bukit Tinggi dan Janda Baik
7 DARA – Jengka	0.6	• Mempromosikan pembangunan mapan • Menambah baik pengangkutan awam • Membangunkan komuniti progresif

¹ Tidak termasuk pelaburan MIDA (RM14.1 bilion) dan pelaburan di luar kawasan nod (RM0.8 bilion).

- ECER juga melaksanakan program bagi memperkasa Bumiputera. Sehingga bulan Jun 2015 sejumlah 97 syarikat Bumiputera telah melabur sejumlah RM12.2 billion dan dijangka mewujudkan 14,491 pekerjaan. Kesemua syarikat ini juga menerima insentif daripada ECER.
- Syarikat Bumiputera juga memainkan peranan penting dalam kluster pembuatan dengan syarikat TERAJU menyumbang 30% daripada jumlah pelaburan sebanyak RM1.1 bilion.

Sumber: Wilayah Ekonomi Pantai Timur.


Sisipan 3

Perkembangan Terkini Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)

- Pada tahun 2015, Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) mencatat tahun kelapan pelaksanaannya dan terus menunjukkan potensi pertumbuhan yang menggalakkan.
- Sasaran jumlah pelaburan SCORE bernilai RM334 bilion, yang mana 80% dijangka daripada sektor swasta manakala bakinya (20%) daripada sektor awam.
- Pihak Berkuasa Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) merupakan agensi utama yang melaksanakan inisiatif SCORE, memberi tumpuan dalam menyelaraskan dan mempercepat pembangunan.
- Setakat ini, SCORE telah menerima jumlah pelaburan swasta sebanyak RM30.6 bilion dan telah mewujudkan lebih 16,044 peluang pekerjaan.

CARTA 1

Peruntukan kepada SCORE



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

JADUAL 1

Ringkasan Pelaburan Langsung mengikut Nod Pertumbuhan

	Bilangan Projek	FDI (RM bilion)	Jumlah Pekerja
Samalaju	15	25.0	13,052
Mukah	1	0.6	800
Tanjung Manis	2	2.1	1,692
Kidurong	1	2.6	500
Jumlah	19	30.3	16,044

Sumber: Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak.

JADUAL 2

Senarai Projek di bawah Nod Pertumbuhan Samalaju, Mukah dan Tanjung Manis

Nod Pertumbuhan Samalaju

- Pelaburan Asing
- ✓ 15 projek – termasuk Tokuyama, Sakura Ferroalloys, Pertama Ferroalloys, OM Materials, Press Metal, Iwatani-SIG Industrial Gases
- Pelaburan Langsung Domestik
- ✓ Integrated Waste Management System
 - ✓ Pelabuhan Samalaju
 - ✓ Samalaju Eco-Park, Perbandaran Samalaju, Pusat Perkhidmatan Samalaju, Samalaju Beachfront dan Samalaju Light Industrial Park
- Pelaburan Awam
- ✓ Jalan menghubungkan antara taman perindustrian dan Tanjung Kidurong
 - ✓ Perkhidmatan telekomunikasi – pemasangan talian gentian optik
 - ✓ Loji rawatan air
- Projek Lain
- ✓ Lebuhraya Pan-Borneo
 - ✓ Kilang pemprosesan minyak sawit
 - ✓ Huchems Fine Chemical Corp di Taman Perindustrian Tanjung Kidurong
 - ✓ Aktiviti Pelabuhan Bintulu
 - ✓ Kerja penaiktarafan sektor O&G di kawasan Kidurong

Nod Pertumbuhan Mukah

- Pelaburan Langsung Domestik
- ✓ Press Metal
 - ✓ Loji Jana Kuasa Arang Batu Mukah dan Balingian

Pelaburan Awam

- ✓ Lapangan Terbang Mukah
- ✓ Pembekalan air di wilayah Mukah
- ✓ Politeknik Mukah, UiTM Mukah, Kolej Laila Taib, R&D UNIMAS dan Sarawak Skills Development Centre

Nod Pertumbuhan Tanjung Manis

- Pelaburan Asing
- ✓ Sea Party Technology Sdn Bhd
- Pelaburan Langsung Domestik
- ✓ Pembinaan kapal
 - ✓ Terminal Pengedaran Minyak Pusat (CODT)
 - ✓ Kluster Perindustrian Minyak Sawit
 - ✓ Bisnes berteraskan agro
 - ✓ Fieldmart Sdn Bhd
- Pelaburan Awam
- ✓ Projek bekalan air dari Sibu ke Tanjung Manis
 - ✓ Projek jalan penghubung hab halal Tanjung Manis

Nod Pertumbuhan Baram, Tunoh dan Kawasan Pendalaman SCORE

- Pelaburan Langsung Domestik
- ✓ Empangan Hidroelektrik Bakun dan Murum
- Pelaburan Awam
- ✓ Projek Jalan ke Long Lama, Baram dan Murum

Sumber: Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak.

JADUAL 3.13

Jurang Tabungan Pelaburan 2014 – 2016

(pada harga semasa)

	RM juta		
	2014	2015 ²	2016 ³
Sektor awam			
Tabungan	90,465	66,588	83,401
Pembentukan modal kasar ¹	103,596	107,407	112,199
Lebihan/Defisit	-13,131	-40,819	-28,798
Sektor swasta			
Tabungan	233,653	260,519	259,202
Pembentukan modal kasar ¹	173,204	196,322	219,115
Lebihan/Defisit	60,449	64,198	40,087
Keseluruhan			
Tabungan negara kasar	324,118	327,107	342,603
% daripada GNI	30.3	29.0	28.4
Pembentukan modal kasar ¹	276,800	303,729	331,314
% daripada GNI	25.9	26.9	27.5
Lebihan/Defisit	47,317	23,379	11,289
% daripada GNI	4.4	1.5 – 2.5	0.5 – 1.5

¹ Termasuk perubahan dalam stok.² Anggaran.³ Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Kedudukan Sumber Negara

Lebihan akaun semasa semakin mengecil

Pendapatan negara pada harga semasa dijangka merekod pertumbuhan sederhana 5.5% (2014: 8.6%). **Tabungan Negara Kasar (TNK)** dijangka berkembang 0.9% (2014: 8.1%). Sebahagian besar TNK ini akan disumbang oleh tabungan sektor swasta yang merangkumi 79.6% daripada jumlah simpanan serta menyumbang sebanyak 23.1% kepada GNI. Tabungan sektor swasta dijangka meningkat 11.5% kepada RM260.5 bilion, manakala tabungan sektor awam dianggar merosot sebanyak 26.4% kepada RM66.6 bilion. Sejak tahun 2010, pembentukan modal tetap kasar terus meningkat berikutan kecergasan pelaburan swasta. Aktiviti pelaburan yang lebih rancak dengan tabungan negara yang lebih rendah telah mengecilkan jurang tabungan pelaburan kepada RM23.4 bilion atau dalam lingkungan 1.5% – 2.5% daripada GNI (2014: RM47.3 bilion; 4.4%).

Sektor Luar Negeri

Kedudukan luar Malaysia dijangka kekal berdaya tahan pada tahun 2015 walaupun berhadapan dengan cabaran pertumbuhan dan volatiliti dalam pasaran kewangan antarabangsa. Akaun semasa dijangka terus mencatat lebihan walaupun pada kadar lebih kecil, disokong oleh peningkatan berterusan aktiviti ekonomi domestik dan serantau serta permintaan kukuh untuk barangan pembuatan. Sementara itu, fundamental ekonomi makro yang kukuh; rizab antarabangsa yang mencukupi; pasaran modal maju; dan kumpulan pelabur institusi domestik yang besar akan berupaya mengurangkan kesan volatiliti aliran kewangan.


Prestasi Perdagangan

Lebihan dagangan lebih rendah

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, total perdagangan merosot 1.7% kepada RM941.9 bilion (Januari – Ogos 2014: 7.8%; RM957.8 bilion) berikutan permintaan global yang lembap, pertumbuhan China lebih perlahan, harga komoditi lemah dan nilai ringgit menyusut. Walaupun eksport kasar menguncup 1.4% dan import 2%, namun lebihan dagangan meningkat kepada RM54.2 bilion (Januari – Ogos 2014: 9.5%; 6.1%; RM52.2 bilion) disebabkan penguncupan eksport lebih perlahan. Pendapatan eksport pertanian dan perlombongan merosot, manakala barangan pembuatan meningkat sederhana. Sehubungan itu, eksport barangan pembuatan kini menyumbang hampir 80% kepada eksport keseluruhan. Sementara itu, pertumbuhan import berkurang disebabkan penguncupan barangan pengantara dan modal. Pada tahun 2015, **eksport kasar** dijangka merosot 0.7% dan **import** 1.2% (2014: 6.3%; 5.3%), berikutan prospek pertumbuhan rakan dagangan utama tidak seimbang serta jangkaan harga komoditi rendah yang berterusan. Walau bagaimanapun, lebihan dagangan dijangka lebih tinggi kepada RM85.3 bilion (7.3% daripada KDNK) (2014: RM82.5 bilion; 7.5%) berikutan penguncupan hasil eksport yang perlahan.

CARTA 3.8

Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan Pelaburan

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.14

Perdagangan Luar Negeri 2014 – 2016

	RM juta			% Pertumbuhan		
	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²
Jumlah perdagangan	1,448,354	1,435,050	1,467,656	5.8	-0.9	2.3
Eksport kasar	765,417	760,154	770,426	6.3	-0.7	1.4
antaranya:						
Pembuatan	587,175	607,363	619,423	7.1	3.4	2.0
Pertanian	69,175	63,853	67,027	0.5	-7.7	5.0
Perlombongan	104,051	79,056	75,502	6.2	-24.0	-4.5
Import kasar	682,937	674,896	697,230	5.3	-1.2	3.3
antaranya:						
Barangan modal	95,882	93,811	99,076	-2.4	-2.2	5.6
Barangan pengantara	408,181	401,563	415,549	7.6	-1.6	3.5
Barangan penggunaan	50,309	58,041	57,173	5.7	15.4	-1.5
Imbangan dagangan	82,480	85,258	73,197	15.7	3.4	-14.1

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Eksport Barangan Pembuatan

Produk E&E menyokong eksport

Eksport barangan pembuatan meningkat sederhana 3% (Januari – Ogos 2014: 10%) sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang tinggi dalam tempoh yang sama tahun lalu. Walaupun nilai ringgit yang lemah sepatutnya menyokong eksport, namun pada masa yang sama, hasil ini telah diimbangi oleh permintaan luar yang lemah dan penyusutan nilai mata wang serantau. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, eksport barangan pembuatan secara keseluruhannya turut terjejas berikutan peningkatan perlahan eksport E&E dan penyusutan pendapatan bukan E&E.

Eksport **E&E** meningkat 7.4% (Januari – Ogos 2014: 9.6%), terutamanya didorong oleh permintaan kukuh AS, Singapura, China dan EU, khususnya Belanda dan Jerman. Permintaan semikonduktor kekal kukuh, walaupun jualan semikonduktor global perlahan. Perkembangan ini juga sejajar dengan nilai *book-to-bill ratio* yang melebihi paras 1 secara purata dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Dalam tempoh yang sama, eksport peranti semikonduktor meningkat 10.3% (Januari – Ogos 2014: 17.9%). Dalam segmen ini, eksport litar bersepadu elektronik (9.9%) dan peranti semikonduktor fotosensitif (25.5%) kekal tinggi (Januari – Ogos 2014: 21.3%; 10.7%). Sementara itu, eksport kelengkapan dan alat ganti telekomunikasi merosot 1.4% (Januari – Ogos 2014: 29.3%), selaras dengan jualan global telefon pintar yang perlahan.


Pendapatan eksport **bukan E&E** kekal pada RM220.5 bilion terjejas oleh kelembapan permintaan produk petroleum manakala subsektor utama lain secara amnya turut mencatat pertumbuhan perlahan. *Produk petroleum* merosot 27.4% (Januari – Ogos 2014: 15.3%) berikutan harga minyak mentah lebih rendah dan permintaan

pasaran utama, seperti Singapura, Indonesia dan Australia yang lemah, terutamanya permintaan terhadap produk petroleum bertapis meningkat perlahan sebanyak 36.6% serta gas petroleum dan gas hidrokarbon lain 37.8%.

Pendapatan *kimia dan produk kimia* terus berkembang perlahan 5.7% (Januari – Ogos 2014: 7.6%), sebahagian besarnya dipengaruhi

CARTA 3.9

Eksport Semikonduktor Malaysia, Jualan Semikonduktor Sedunia dan *Book-to-Bill Ratio*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Semiconductor Industry Association, dan Semiconductor Equipment and Materials International.

JADUAL 3.15

**Eksport Kasar
Januari – Ogos**

	RM juta		% Pertumbuhan		% Bahagian	
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
Pembuatan	386,379	398,122	10.0	3.0	76.5	79.9
Pertanian	45,675	43,294	3.1	-5.2	9.0	8.7
Perlombongan	69,371	53,637	11.5	-22.7	13.7	10.8
Lain-lain	3,553	3,025	0.6	-14.9	0.7	0.6
Jumlah	504,977	498,078	9.5	-1.4	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

oleh pengurangan permintaan bagi bahan kimia organik (-3.5%) daripada pasaran utama iaitu India, China dan AS. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keseluruhan subsektor ini disokong oleh peningkatan bahan plastik dalam bentuk utama (12.2%), terutamanya ke China, Indonesia dan Viet Nam. Sementara itu, pendapatan daripada *produk plastik* turut meningkat 4% (Januari – Ogos 2014: 14.3%), didorong oleh produk plat, kepingan, saput, gegelung dan jalur plastik; serta keluaran siap plastik, terutamanya bekas plastik.

Eksport *jentera, perkakasan dan peralatan* terus mencatat peningkatan sebanyak 14.3% (Januari – Ogos 2014: 15.6%) majoritinya didorong oleh jentera khusus bagi perusahaan tertentu, terutamanya dalam bidang kejuruteraan awam; serta pengeluaran semikonduktor dan alat ganti. Permintaan lebih tinggi turut disumbang oleh eksport jentera dan kelengkapan perusahaan am, terutamanya kelengkapan pemanasan dan pendinginan; serta pam, pemampat, kipas dan peralatan. Destinasi eksport utama jentera, perkakasan dan peralatan adalah Singapura, Thailand, AS, China dan Viet Nam.

Eksport *barangan perkilangan logam* meningkat semula 15.6% (Januari – Ogos 2014: -0.7%) didorong oleh permintaan tinggi produk logam bukan besi terutamanya aluminium (9.5%) dan nikel (148.3%). Selain itu, pertumbuhan ini diperkukuh oleh peningkatan eksport bahan perkilangan logam lain sebanyak 14.6%, terutamanya bagi segmen struktur logam. Sementara itu, permintaan *produk galian bukan logam* meningkat 4.4% (Januari – Ogos 2014: 7.4%), disokong peningkatan eksport kaca dan barangan kaca serta perkilangan galian seperti seramik dan pembuatan asbestos. Sebaliknya, hasil eksport *produk besi dan keluli* merosot dengan ketara kepada 3.6% (Januari – Ogos 2014: 25.6%) berikutan permintaan lebih rendah khususnya produk tiub, paip dan kelengkapannya daripada besi dan keluli.

Pendapatan eksport *barangan makanan* meningkat 3.8% (Januari – Ogos 2014: 17.8%) terutamanya disokong oleh permintaan lebih tinggi bagi hasil tenusu (18.9%); sediaan bijirin dan tepung (16.6%); serta sediaan sayuran dan buah-buahan (27.9%). Pasaran eksport utama makanan yang diproses meliputi Singapura, China dan Thailand. Eksport *peralatan optikal dan saintifik* meningkat perlahan 2.8% (Januari – Ogos 2014: 18.7%), sebahagian

besarnya disumbang oleh permintaan berterusan bagi kelengkapan saintifik profesional, khususnya peralatan dan instrumen mengukur dan kawalan. Destinasi eksport utama subsektor ini termasuk AS, Singapura dan Jepun.

Berikutan harga komoditi lebih rendah, pendapatan eksport *produk getah* kembali meningkat kukuh 8.7% (Januari – Ogos 2014: -5.9%) didorong oleh peningkatan semula permintaan sarung tangan getah (20.5%) dan tayar pneumatik baharu (8.2%), terutamanya dari AS, Jepun dan China. Pengeksport produk getah terus mendapat manfaat berikutan pengukuhan dolar AS; kos input lebih rendah sebahagian besarnya dalam ringgit; serta permintaan kukuh sarung tangan getah dan nitril. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, pendapatan eksport *produk kayu* kekal tinggi RM9.8 bilion disokong oleh permintaan kukuh bagi perabot kayu (9.2%), khususnya perabot rumah dan pejabat. Destinasi eksport utama perabot kayu termasuk AS, Jepun dan Australia. Sementara itu, permintaan venir dan papan lapis menyusut 7.4% berikutan permintaan Jepun yang lebih perlahan.

Eksport *tekstil, pakaian dan kasut* meningkat lebih perlahan 6.8% (Januari – Ogos 2014: 15.2%) terutamanya disebabkan oleh penguncupan eksport segmen tekstil, khususnya benang tekstil dan tenunan. Sementara itu, eksport *kelengkapan pengangkutan* meningkat 5.7% (Januari – Ogos 2014: 11.7%) sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan perlahan dalam segmen kenderaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keseluruhan subsektor ini didorong oleh pendapatan lebih tinggi daripada pesawat dan kelengkapan berkaitan (35.6%), terutamanya permintaan lebih kukuh dari AS, UK dari Singapura.

Eksport Komoditi*Bekalan berlebihan dan permintaan lemah*

Pendapatan eksport komoditi menyusut 15.7% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 8%). Selain hasil pendapatan daripada pelancongan dan E&E, eksport komoditi merupakan penyumbang utama kepada lebihan akaun semasa dalam imbalan pembayaran (BOP). Pendapatan eksport barangan pertanian pula merosot 5.2% (Januari – Ogos 2014: 3.1%) berikutan penguncupan hasil getah dan minyak sawit. Selain itu,

JADUAL 3.16

**Eksport Barangan Pembuatan
Januari – Ogos**

	RM juta		% Pertumbuhan		% Bahagian	
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
E&E	165,492	177,665	9.6	7.4	42.8	44.6
Bukan E&E	220,886	220,457	10.4	-0.2	57.2	55.4
Produk petroleum	48,178	34,999	15.3	-27.4	12.5	8.8
Kimia dan produk kimia	33,838	35,750	7.6	5.7	8.8	9.0
Jentera, perkakasan dan peralatan	20,146	23,032	15.6	14.3	5.2	5.8
Barangan perkilangan logam	17,521	20,257	-0.7	15.6	4.5	5.1
Barangan optikal dan saintifik	15,849	16,291	18.7	2.8	4.1	4.1
Produk getah	11,868	12,903	-5.9	8.7	3.1	3.2
Barangan makanan	10,845	11,255	17.8	3.8	2.8	2.8
Produk kayu	9,683	9,770	4.8	0.9	2.5	2.5
Tekstil, pakaian dan kasut	8,070	8,622	15.2	6.8	2.1	2.2
Barangan perkilangan plastik	7,855	8,169	14.3	4.0	2.0	2.1
Kelengkapan pengangkutan	7,160	7,565	11.7	5.7	1.9	1.9
Produk besi dan keluli	6,698	6,456	25.6	-3.6	1.7	1.6
Barang kemas	4,518	5,105	-15.1	13.0	1.2	1.3
Produk galian bukan logam	3,780	3,946	7.4	4.4	1.0	1.0
Minuman dan tembakau	2,646	2,864	7.8	8.2	0.7	0.7
Barangan kertas dan palpa	2,472	2,619	4.8	5.9	0.6	0.7
Produk pembuatan lain	9,761	10,854	20.0	11.2	2.5	2.7
Jumlah	386,379	398,122	10.0	3.0	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

permintaan global yang lemah serta bekalan berlebihan bagi petroleum mentah dan LNG turut menyebabkan hasil eksport perlombongan menguncup 22.7% (Januari – Ogos 2014: 11.5%).

Pendapatan **minyak sawit** menyusut 8.3% kepada RM25.8 bilion (Januari – Ogos 2014: -0.6%; RM28.2 bilion), meskipun volum eksport meningkat secara marginal pada 10.8 juta tan metrik. Ini terutamanya disebabkan penyusutan 11.4% nilai purata seunit (AUV) kepada RM2,396 setan metrik (Januari – Ogos 2014: 9.9%; RM2,705 setan metrik). Walaupun permintaan pasaran tradisional utama seperti China (-16%), AS (-20.7%), Pakistan (-21.8%) dan Belanda (-5.6%), pendapatan eksport telah diimbangi oleh peningkatan permintaan dari India (12.5%) yang merupakan pengimport CPO utama dunia. Harga CPO dijangka kembali pulih didorong oleh kekangan penawaran berikutan fenomena El-Nino; mandat bio-diesel yang diperkenalkan oleh Malaysia (B7) dan Indonesia (B15); serta masalah jerebu berterusan. Langkah Indonesia baru-baru ini bagi menggalakkan lebih banyak nilai ditambah dalam aktiviti hiliran dengan pengenaan levi eksport juga membendung penawaran.

Eksport **getah** menguncup 17.5% (Januari – Ogos 2014: -26.6%) disebabkan pengurangan berterusan harga dan volum eksport. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, AUV getah menguncup 16.5% kepada RM5.64 sekilogram dan volum eksport turut menyusut 1.3% (Januari – Ogos 2014: -21.6%; RM6.75 sekilogram; -6.4%). Penghantaran

ke China yang merupakan destinasi eksport terbesar (49% daripada total eksport getah), merosot 10.5%. Eksport ke pasaran utama lain seperti Jerman dan AS turut merosot.

Harga eksport **LNG** sejajar dengan trend harga minyak mentah tetapi sela masa beberapa bulan. Japan Crude Cocktail (JCC) merupakan penunjuk harga LNG di Asia yang mengambil kira harga purata import minyak mentah yang telah disahkan oleh pihak kastam Jepun. Meskipun volum eksport LNG meningkat, AUV menguncup ketara 26.4% pada purata RM1,895 setan metrik (Januari – Ogos 2014: 9.8%; RM2,576 setan metrik) dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Pengurangan penghantaran ke destinasi eksport utama seperti Jepun (-26.7%), ROK (-19.9%) dan Taiwan (-40.7%), mengakibatkan penyusutan pendapatan eksport 25.8%. Walau bagaimanapun, eksport ke China meningkat 8%. Dalam tempoh jangka masa sederhana, harga LNG dijangka terjejas disebabkan Jepun mengaktifkan semula loji kuasa nuklear dan peningkatan bekalan serantau terutamanya dari Australia. Loji nuklear Sendai 1 yang merupakan satu daripada 43 loji di Jepun telah mula beroperasi pada bulan September, manakala Sendai 2 telah disasarkan untuk menyambung semula operasi komersial pada bulan November 2015.

Meskipun volum eksport **petroleum mentah** meningkat 20.3%, pendapatan menyusut 26.4% (Januari – Ogos 2014: 6.9%; 13.2%) berikutan harga minyak mentah kekal rendah dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. AUV

JADUAL 3.17

Eksport Komoditi
Januari – Ogos

			% Pertumbuhan	
	2014	2015	2014	2015
Eksport komoditi (RM juta)	115,046	96,931	8.0	-15.7
Eksport pertanian (RM juta)	45,675	43,294	3.1	-5.2
Minyak sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	10,414	10,787	-9.6	3.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,705	2,396	9.9	-11.4
Nilai (RM juta)	28,174	25,843	-0.6	-8.3
Minyak isirung kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	634	662	-16.3	4.5
Nilai seunit (RM/tan metrik)	4,134	3,826	49.0	-7.5
Nilai (RM juta)	2,620	2,534	24.8	-3.3
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,101	2,102	4.5	0.0
Nilai seunit (RM/meter padu)	651	647	11.3	-0.7
Nilai (RM juta)	1,368	1,360	16.3	-0.6
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,262	1,314	-3.6	4.2
Nilai seunit (RM/meter padu)	1,358	1,515	8.5	11.6
Nilai (RM juta)	1,714	1,992	4.6	16.2
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	497	490	-6.4	-1.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	6,748	5,636	-21.6	-16.5
Nilai (RM juta)	3,352	2,764	-26.6	-17.5
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	9	10	32.0	3.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	27,960	34,936	25.9	24.9
Nilai (RM juta)	261	337	66.1	29.2
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	65	47	158.1	-28.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	7,871	9,950	-0.9	26.4
Nilai (RM juta)	654	531	225.8	-18.8
Eksport perlombongan (RM juta)	69,371	53,637	11.5	-22.7
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	8,018	9,643	6.9	20.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,765	1,692	5.9	-38.8
Nilai (RM juta)	22,175	16,314	13.2	-26.4
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	16,376	16,523	0.2	0.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,576	1,895	9.8	-26.4
Nilai (RM juta)	42,184	31,305	10.1	-25.8
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	22	29	-1.5	30.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	73,697	60,262	8.1	-18.2
Nilai (RM juta)	1,625	1,727	6.4	6.3





¹ Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit yang diproses dan stearin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

CARTA 3.10

Eksport Komoditi Utama



Sumber: Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia.

Sisipan 4**Majlis Eksport Negara****Pengenalan**

Malaysia berintegrasi tinggi dalam ekonomi global. Sehubungan itu, persekitaran luar terus memberi impak yang besar ke atas ekonomi domestik melalui perdagangan, pelaburan dan aliran kewangan. Dengan eksport barangan dan perkhidmatan menyumbang kira-kira 131% dan 12.4% kepada KDNK pada tahun 2014.

Kerajaan telah menubuhkan Majlis Eksport Negara (NEC) pada 8 Disember 2014, yang berperanan untuk merencanakan pertumbuhan eksport, memandangkan eksport merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) merupakan sekretariat bagi NEC.

Peranan NEC

Mesyuarat NEC dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan diadakan empat kali setahun. Antara peranan NEC termasuk:

- mewujudkan dasar, strategi dan pelan tindakan untuk meningkatkan pertumbuhan eksport;
- mengkaji semula dan menyelaraskan peranan dan tanggungjawab agensi Kerajaan dalam ekosistem perdagangan;
- mengukuhkan kerjasama antara agensi Kerajaan dan sektor swasta untuk menyediakan kemudahan bagi merencanakan aktiviti perdagangan; dan
- memastikan undang-undang dan rangka kerja regulatori mengikuti perkembangan semasa perdagangan dan perniagaan.

NEC merupakan pelengkap strategi dan pelan tindakan yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (2016 – 2020) untuk mencapai sasaran eksport barangan sebanyak RM974.6 bilion dan perkhidmatan RM195.9 bilion menjelang tahun 2020 (2014: RM765.4 bilion; RM137.3 bilion). Usaha juga akan dipergiat untuk menggalakkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kepada pertumbuhan eksport sebanyak 23% pada tahun 2020 (2014: 17.8%).

Bidang Eksport Utama Negara

Bidang eksport utama yang telah dikenalpasti berdasarkan potensi nilai ditambah yang tinggi (contohnya industri berasaskan sumber); kandungan import yang rendah atau keupayaan untuk meningkatkan input tempatan; dan bidang pertumbuhan yang berpotensi. Antara bidang yang diberi tumpuan di bawah seliaan beberapa Kementerian, termasuk:

- Elektronik dan Elektrik (E&E)
- Jentera dan Kelengkapan (M&E)
- Petrokimia
- Komponen dan Kelengkapan Automotif
- Peralatan Perubatan
- Minyak Sawit
- Perniagaan Agro
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan
- Perkhidmatan Pembinaan
- Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
- Perkhidmatan Pendidikan

Kerjasama antara persatuan, pemain industri utama serta Kementerian yang berkaitan akan memacu pertumbuhan eksport melalui pelbagai inisiatif. Sebagai contoh, Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) untuk mengukuhkan sektor pelancongan perubatan, manakala Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan bekerjasama dengan Malaysian American Electronics Industry (MAEI) untuk memastikan produk E&E yang dieksport berteknologi canggih.

Strategi

Untuk mencapai matlamat penubuhan NEC dalam mengukuhkan prestasi eksport, enam strategi telah dikenalpasti, termasuk:

i. Menambahbaik Ekosistem Prestasi Eksport

Menangani jurang ekosistem prestasi eksport termasuk menaik taraf infrastruktur logistik (fizikal dan elektronik); mengurangkan peraturan agar kos menjalankan perniagaan lebih rendah; memudahkan proses dan prosedur untuk meningkatkan daya saing; menyesuaikan kemahiran dan kepakaran bagi memenuhi permintaan industri.

ii. Perdagangan dengan China

Permintaan produk komoditi dari China telah merosot dengan ketara memandangkan peralihan pertumbuhan ekonomi China kepada model yang lebih mapan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak peluang dalam aktiviti berkaitan perkhidmatan dan penggunaan, berikutan perkembangan pesat masyarakat kelas pertengahan yang lebih mewah. Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan; pendidikan dan latihan bahasa; makanan dan minuman; produk hijau dan organik; serta produk mewah seperti bahan binaan berkualiti dan kelengkapan hiasan dalaman merupakan bidang berpotensi untuk mengeksport Malaysia. Sehubungan itu, perdagangan dengan China perlu mengambil kira agenda pembangunan baharu, peralihan amalan model perniagaan dan pelaburan.

iii. Memaksimumkan Peluang dalam kalangan ASEAN dan Pasaran *Greenfield*

Perdagangan dengan ASEAN kekal kukuh sejak beberapa tahun. Pada tahun 2014, ASEAN menyumbang 26.8% kepada jumlah perdagangan Malaysia dan disasarkan mencapai 30% menjelang 2020. Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2015, merupakan rantaian dinamik dengan penduduk sebanyak 620 juta, boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan lagi integrasi ekonomi, menggalakkan perdagangan dan pelaburan berkualiti serta akses kepada rantaian bekalan serantau dan global. Bidang yang perlu diberi perhatian termasuk, meliberalisasikan sektor perkhidmatan, mengurangkan sekatan bukan tarif dan memudahcara aktiviti perdagangan.

Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang sedang dalam rundingan antara ASEAN dan enam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) iaitu Australia, China, India, Jepun, Republik Korea (ROK), dan New Zealand akan menyediakan peluang besar bagi ekonomi untuk mempromosi perdagangan, pelaburan dan mewujudkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

iv. Meningkatkan Rantaian Nilai dan Aktiviti Hiliran

Syarikat akan digalakkan untuk mengeksport produk bernilai tinggi melalui pelaburan dalam teknologi baharu seperti peralatan pintar, teknologi nano, elektronik yang fleksibel dan berintegrasi 3D. Selain itu, negara akan mempergiat lagi aktiviti pengambilalihan teknologi oleh syarikat milik Malaysia, pelaburan baharu serta pelaburan semula dalam bidang teknologi. Tumpuan juga akan diberikan untuk menggalakkan aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dalam industri berasaskan sumber hiliran serta penglibatan dalam rangkaian pengeluaran global. Untuk menjadi peserta di peringkat serantau dan antarabangsa, program berterusan yang telah dikenal pasti untuk membangun dan memupuk syarikat tempatan peringkat pertengahan akan terus dipertingkatkan.

v. Mengantarabangsakan Perkhidmatan

Meskipun sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan KDNK sebanyak 53.5% pada tahun 2014, eksport perkhidmatan kekal sederhana dengan tidak mengambil kira pendapatan dari pelancongan. Dengan itu, eksport perkhidmatan akan dipergiatkan lagi dengan memberi tumpuan kepada perdagangan perkhidmatan bernilai tinggi seperti dalam bidang minyak dan gas (O&G); ICT; industri kreatif; penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO); perkhidmatan pembinaan dan profesional.

vi. Perubahan Institusi dan Pendekatan Transformasi untuk Mempromosi Eksport

Agensi utama seperti MATRADE akan memperkenalkan perubahan struktur untuk meningkatkan kecekapan, memperoleh kemahiran dan mengekalkan kepakaran. Peranan MATRADE juga akan diperhalusi untuk menjadi penggerak strategik dalam memacu pertumbuhan eksport. Pendekatan baharu akan digunakan untuk menggalakkan eksport seperti menggunakan penghubung pasaran (*market-linkers*), pakar industri, pelobi dan memanfaatkan diaspora Malaysia. E-dagang merupakan platform terbaik untuk memacu pertumbuhan pesat dan akan digunakan secara meluas bagi meningkatkan perdagangan. Jenama Malaysia akan diperkukuhkan dengan lebih padu dan berintegrasi di pelbagai peringkat Kementerian, agensi, Kerajaan Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang terlibat dalam promosi perdagangan. Dalam hal ini, MITI akan memainkan peranan penting untuk memastikan kerjasama yang lebih baik dalam kalangan semua entiti untuk memajukan agenda perdagangan dalam negeri dan di peringkat global.

Kesimpulan

Fokus baharu eksport akan mengukuhkan lagi sektor luar negeri yang seterusnya akan meningkatkan daya tahan ekonomi domestik. Selain itu, ia turut menyediakan peluang pekerjaan, menjana pertukaran mata wang asing, meningkatkan penggunaan teknologi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ekonomi yang menyeluruh juga merupakan penampan terhadap kejutan ekonomi.

petroleum mentah merosot 38.8%, pada purata RM1,692 setan metrik (Januari – Ogos 2014: 5.9%; RM2,765 setan metrik) menggambarkan permintaan lemah daripada rakan dagangan utama seperti Australia, India dan Jepun. Walau bagaimanapun, permintaan serantau dari ASEAN, terutamanya Thailand (97.8%) dan Singapura (9%) kekal positif.

Prestasi Import

Pertumbuhan kukuh barangan penggunaan

Import kasar menguncup 2% kepada RM443.8 bilion (Januari – Ogos 2014: 6.1%; RM452.8 bilion) disebabkan pengurangan permintaan barangan pengantara dan modal serta aktiviti eksport semula yang lebih rendah dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Walau bagaimanapun, import barangan penggunaan meningkat 16.4%, sebahagian besarnya disebabkan oleh pembelian awal untuk mengelakkan kesan pelaksanaan GST pada bulan April 2015.

Selaras dengan peningkatan berterusan sektor pembuatan dan perkhidmatan, import **barangan pengantara** berjumlah

RM262.4 bilion (Januari – Ogos 2014: RM267.5 bilion). Komponen ini disokong oleh peningkatan import alat ganti dan aksesori barangan modal dan pengangkutan (6.3%), serta makanan dan minuman (7.7%). Sementara itu, import bekalan perindustrian kekal pada RM111.4 bilion sejajar dengan perkembangan berterusan, terutamanya dalam industri berorientasikan eksport seperti E&E; kimia dan produk kimia; serta jentera, perkakasan dan peralatan. Dalam tempoh tersebut, import bahan api dan minyak pelincir merosot 26.2%, terutamanya disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih rendah.

Sementara itu, import **barangan modal** (13.9% daripada total import) merosot 3.3% disebabkan import kelengkapan pengangkutan perusahaan menguncup mendadak sebanyak 40.4%. Permintaan lebih lemah bagi barangan besar seperti pesawat, kenderaan bermotor dan kapal pelayaran menyumbang kepada penyusutan import dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, import barangan modal utama lain meningkat 4.8% didorong oleh permintaan set telefon, mesin memproses data automatik serta transformer elektrik, konverter statik dan induktor.

JADUAL 3.18

Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir Januari – Ogos

	RM juta		% Pertumbuhan		% Bahagian	
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
Barangan modal	63,796	61,669	-0.9	-3.3	14.1	13.9
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	52,302	54,823	0.3	4.8	11.6	12.4
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	11,494	6,846	-6.4	-40.4	2.5	1.5
Barangan pengantara	267,463	262,381	5.4	-1.9	59.1	59.1
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	11,733	12,641	3.5	7.7	2.6	2.8
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	39,762	29,354	21.5	-26.2	8.8	6.6
Bekalan perindustrian, t.d.t.l. ¹ utama dan diproses	113,442	111,393	0.5	-1.8	25.1	25.1
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	13,604	15,682	18.5	15.3	3.0	3.5
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	19,662	21,334	-18.3	8.5	4.3	4.8
Injap dan tiub termionik	69,260	71,975	13.1	3.9	15.3	16.2
Barangan penggunaan	33,366	38,823	7.7	16.4	7.4	8.7
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	14,316	15,946	8.4	11.4	3.2	3.6
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	744	728	-12.3	-2.2	0.2	0.2
Barangan pengguna lain	18,306	22,149	8.2	21.0	4.0	5.0
Barang tahan lama	4,894	5,002	16.9	2.2	1.1	1.1
Barang separa tahan lama	5,158	7,831	-0.7	51.8	1.1	1.8
Barang tidak tahan lama	8,253	9,316	9.5	12.9	1.8	2.1
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	21,058	16,643	-2.1	-21.0	4.7	3.7
Import untuk eksport semula	67,101	64,314	19.2	-4.2	14.8	14.5
Jumlah	452,784	443,831	6.1	-2.0	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, import **barangan penggunaan** mencatat pertumbuhan kukuh 16.4% (Januari – Ogos 2014: 7.7%). Prestasi ini mencerminkan penggunaan swasta yang kekal kukuh meskipun dengan peningkatan kos sara hidup. Dalam tempoh tersebut, aktiviti pembelian barangan pra-GST, musim perayaan, perbelanjaan pelancong turut meningkatkan import. Import bagi barangan pengguna tahan lama seperti ubat-ubatan, pakaian, barangan keluaran plastik dan peralatan ortopedik meningkat mendadak sebanyak 21%. Sementara itu, permintaan lebih tinggi untuk barangan seperti daging, beras dan sayuran jenis bawang menyumbang kepada pertumbuhan kukuh sebanyak 11.4% dalam kumpulan makanan dan minuman.

Selaras dengan aktiviti perkilangan global yang kurang memberangsangkan, import untuk **eksport semula** merosot 4.2% kepada RM64.3 bilion (Januari – Ogos 2014: 19.2%; RM67.1 bilion). Penyusutan ini disebabkan oleh penguncupan ketara bagi produk petroleum, peranti elektronik dan tembaga bertapis. Segmen ini menyumbang 14.5% kepada total import, dengan jangkaan aktiviti eksport semula akan bertambah baik berikutan permintaan luar kembali pulih. Pada tahun 2015, **import kasar** dijangka merosot 1.2% kepada RM674.9 bilion (2014: 5.3%; RM682.9 bilion) disumbang oleh pengembangan berterusan aktiviti ekonomi domestik serta permintaan serantau dan pertumbuhan ekonomi maju yang kukuh.

Haluan Perdagangan

Permintaan rakan dagangan utama tidak seimbang

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, total perdagangan Malaysia menyusut ketara 1.7% kepada RM941.9 bilion (Januari – Ogos 2014: 7.8%; RM957.8 bilion), sejajar dengan kelembapan perdagangan antarabangsa serta permintaan serantau yang perlahan. Dengan penguncupan eksport lebih perlahan, lebih dagangan meningkat kepada RM54.2 bilion (Januari – Ogos 2014: RM52.2 bilion).

Walaupun **China** berhadapan dengan pertumbuhan ekonomi yang perlahan, namun negara tersebut kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia sejak tahun 2009. Total perdagangan dengan China kukuh 9.6%, seiring dengan peningkatan 9.3% eksport dan 9.8% import (Januari – Ogos 2014: 4.3%; 0.9%; 7.2%). Eksport utama ke China termasuk produk E&E; produk petroleum; kimia dan produk kimia; serta bijih dan serpihan logam. Sungguhpun pertumbuhan eksport LNG kekal kukuh (8%), namun permintaan minyak sawit (-16%), getah (-10.5%) dan petroleum mentah (-82.2%) terus berkurangan. Manakala, import utama China terdiri daripada barangan pembuatan, khususnya produk E&E; jentera, perkakasan dan peralatan; barangan perkilangan logam; serta kimia dan produk kimia. Meskipun produk E&E menyumbang hampir 40% kepada total perdagangan antara dua negara, namun kebanyakannya terdiri daripada input perantaraan. Input tersebut digunakan untuk pengeluaran

barangan akhir bagi memenuhi permintaan negara maju seperti AS, Jepun, Jerman dan Belanda. Perdagangan Malaysia dengan China mencatat defisit berikutan import melebihi eksport.

Sebaliknya, perdagangan dengan **Singapura** merosot ketara 6.2% (Januari – Ogos 2014: 8.8%) berikutan penguncupan eksport (-3.7%) dan import (-9.2%) dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Walaupun eksport produk petroleum menyusut, permintaan E&E kekal kukuh, berkembang 11.5%. Sebahagian besar eksport ke Singapura terdiri daripada produk E&E; produk petroleum; jentera, perkakasan dan peralatan serta barangan perkilangan logam. Malaysia terus menikmati lebih dagangan dengan Singapura.


Total perdagangan dengan **Jepun** merosot 9.2% kepada RM83.5 bilion (Januari – Ogos 2014: 3.6%; RM92 bilion) berikutan penguncupan eksport (-12.5%) dan import (-4.4%) (Januari – Ogos: 6.3%; -0.2%). Sehubungan itu, lebih dagangan menyusut ketara kepada RM12.9 bilion (Januari – Ogos 2014: RM18.1 bilion) terutamanya disebabkan oleh permintaan LNG lebih rendah. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, eksport LNG ke Jepun yang merupakan pasaran terbesar, merosot 26.7% disebabkan volum dan harga lebih rendah. Walau bagaimanapun, eksport produk E&E (24.5% daripada total eksport) meningkat 9.2%, selaras dengan permintaan peranti semikonduktor yang stabil.

Perbelanjaan isi rumah dan pelaburan perniagaan tetap yang bertambah baik dalam ekonomi **AS** telah menyokong peningkatan eksport Malaysia 12.4% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015. Perkembangan ini menyumbang kepada peningkatan lebih dagangan kepada RM11.3 bilion (Januari – Ogos 2014: 8%; RM6.2 bilion). Eksport barangan pembuatan mencatat pertumbuhan 14.8% didorong oleh permintaan lebih tinggi bagi produk E&E; produk getah; barangan optik dan saintifik; serta produk kayu. Produk E&E terus mendominasi jumlah eksport ke AS (56.4% daripada total eksport), terutamanya, peranti semikonduktor (33% daripada total eksport E&E) meningkat 26.4%. Sementara itu, import dari AS kekal kukuh RM35.4 bilion, sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan matawang dolar AS. Import utama AS termasuk produk E&E; kimia dan produk kimia; jentera, perkakasan dan peralatan; serta kelengkapan pengangkutan.


Perdagangan dengan **ASEAN (kecuali Singapura)** yang merupakan rakan dagangan serantau terpenting (14.3% daripada total perdagangan), kekal kukuh. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, eksport meningkat 2.7% (RM71 bilion) dan import 6.1% (RM63.4 bilion) dan terus mencatat lebih dagangan. Eksport ke Thailand meningkat 8.5% kepada RM28.9 bilion, terutamanya didorong oleh permintaan kukuh produk E&E; minyak mentah; kimia dan produk kimia; serta jentera, perkakasan dan peralatan; manakala import kekal kukuh pada RM26.2 bilion. Sementara itu, perdagangan Malaysia dengan Indonesia mencatat defisit. Eksport merosot 10.7% disebabkan permintaan lebih rendah terutamanya

CARTA 3.11

Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Ogos 2015 (% bahagian)



¹ Tidak termasuk Singapura.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



produk petroleum. Walau bagaimanapun, peningkatan ketara import minyak sawit Malaysia telah menyumbang kepada defisit dagangan. Viet Nam mencatat lebih dagangan berterusan dengan Malaysia. Eksport ke Viet Nam meningkat 23.9% disokong oleh aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta yang kukuh. Import utama dari Viet Nam termasuk produk E&E dan minyak mentah.

Walaupun pemulihan pertumbuhan tidak seimbang dalam kalangan **EU**, prestasi perdagangan kekal pada RM95.4 bilion dengan mencatat lebih dagangan sejak bulan Januari 2014. Jerman kekal sebagai rakan dagangan terbesar, diikuti Belanda, UK dan Perancis. Eksport ke EU meningkat 4.5%, dipacu oleh permintaan kukuh produk E&E terutamanya dari Belanda dan Jerman. Produk E&E menyumbang 50.3% kepada total eksport ke EU. Prestasi ini turut disumbang oleh peningkatan eksport barangan optik dan saintifik; produk getah; serta kimia dan produk kimia. Walau bagaimanapun, eksport minyak sawit menyusut 3.8%, manakala import dari EU merosot 2.3% berikutan permintaan lebih rendah terutamanya bagi kelengkapan pengangkutan; serta jentera, perkakasan dan peralatan.

Imbangan Pembayaran

Akaun semasa kekal positif

Walaupun persekitaran luar mencabar, lebih akaun semasa meningkat kepada RM17.6 bilion (3.2% daripada GNI) dalam tempoh H1 2015 (H2 2014: RM12.8 bilion; 2.3%). Peningkatan ini disokong oleh pengurangan defisit akaun pendapatan primer, meskipun lebih barangan dan perkhidmatan lebih kecil. Memandangkan permintaan

luar yang lemah, harga komoditi lebih rendah serta penyusutan nilai ringgit, **keseluruhan BOP** dijangka sederhana, dengan **akaun semasa** mencatat lebih yang lebih kecil dalam lingkungan 1.5% – 2.5% daripada GNI pada tahun 2015 (2014: 4.4%). Akaun kewangan akan terus mengekalkan aliran dua hala walaupun terdapat ketidakpastian pasaran kewangan global. Keadaan ini disokong oleh aliran masuk FDI dan dana portfolio yang stabil walaupun syarikat Malaysia mengukuhkan kedudukan mereka di luar negeri untuk mengembangkan syer pasaran dan memaksimumkan pendapatan. Bagi memastikan pengukuhan nilai ringgit dan akaun semasa terus mencatat lebih, Kerajaan telah menggesa syarikat tempatan mengkaji semula pelan pelaburan mereka dan pembelian aset di luar negeri serta melabur semula pendapatan dalam negara.

Pada tahun 2015, lebih **akaun barangan dan perkhidmatan** dijangka lebih rendah dengan ketara kepada RM75.1 bilion (2014: +RM102.2 bilion) seiring dengan pertumbuhan tidak seimbang rakan dagangan utama, pengukuhan dolar AS, harga komoditi yang rendah serta defisit yang lebih besar dalam akaun perkhidmatan. Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka meningkat kepada RM14.7 bilion terutamanya disebabkan oleh pengurangan lebih **akaun perjalanan** kepada RM29.8 bilion (2014: -RM11.2 bilion; +RM33.5 bilion). Terimaan perjalanan, penyumbang terbesar kepada pendapatan akaun perkhidmatan, dijangka merosot 7.1% kepada RM68.7 bilion (2014: 9.2%; RM74 bilion). Bilangan ketibaan pelancong akan terus terjejas disebabkan insiden penerbangan, bencana alam dan kebimbangan mengenai keselamatan, walaupun terdapat manfaat daripada penyusutan nilai ringgit. Walau bagaimanapun, pelonggaran keperluan visa bagi

JADUAL 3.19

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (BOP)
2015 – 2016
 (RM juta)

	2015 ¹			2016 ²		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	806,165	731,063	75,102	818,816	755,095	63,721
Barangan	673,971	584,173	89,798	679,610	604,479	75,131
Perkhidmatan	132,194	146,890	-14,696	139,206	150,616	-11,410
Pengangkutan	14,823	40,595	-25,772	15,409	41,722	-26,314
Perjalanan	68,721	38,874	29,847	74,875	41,011	33,864
Perkhidmatan lain	48,650	67,421	-18,771	48,922	67,882	-18,960
Pendapatan primer	50,076	83,252	-33,176	51,357	85,053	-33,696
Pampasan pekerja	6,070	12,091	-6,021	6,144	12,455	-6,311
Pendapatan pelaburan	44,006	71,161	-27,155	45,213	72,598	-27,384
Pendapatan sekunder	10,470	29,017	-18,547	10,938	29,674	-18,736
Imbangan akaun semasa	866,711	843,332	23,379	881,111	869,822	11,289
% daripada GNI			1.5 – 2.5			0.5 – 1.5

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

pelancong berkumpul dari China bermula pada bulan Oktober 2015 sehingga Mac 2016 dijangka menyokong pertumbuhan industri pelancongan. Sementara itu, perjalanan ke luar negeri termasuk perniagaan, percutian, pendidikan dan rawatan perubatan dijangka merosot 4% kepada RM38.9 bilion (2014: 5%; RM40.5 bilion) disebabkan sentimen pengguna berhati-hati berikutan kuasa beli yang lebih lemah.

Kebergantungan Malaysia secara berterusan kepada perkhidmatan fret asing akan menyumbang kepada defisit berterusan dalam akaun pengangkutan. Pada tahun 2015, bayaran kasar dijangka merosot 2.7% kepada RM40.6 bilion (2014: 8.1%; RM41.7 bilion) seiring dengan aktiviti perdagangan lebih rendah dengan sebahagian besar daripada total aliran keluar terdiri daripada bayaran pengangkutan kepada syarikat perkapalan asing. Terimaan kasar juga dijangka menguncup 5.1% kepada RM14.8 bilion (2014: 6.2%; RM15.6 bilion). Ini termasuk pendapatan tambang penumpang, kemudahan lapangan terbang serta perkhidmatan seperti parkir pesawat, pengendalian kargo; caj pelabuhan serta penyelenggaraan dan pembaikan yang disediakan oleh syarikat perkapalan domestik. Oleh itu, *akaun pengangkutan* dijangka mencatat defisit RM25.8 bilion (2014: -RM26.1 bilion).

Sementara itu, aliran keluar bersih *akaun perkhidmatan lain* dijangka kekal stabil pada RM18.8 bilion (2014: -RM18.6 bilion) dipacu oleh kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan yang diimport seperti kepakaran profesional, pengurusan perundingan, teknikal dan perkhidmatan berkaitan perdagangan. Ini termasuk bayaran bagi menggunakan hak harta intelek (IPR); perkhidmatan pembinaan; perantaraan kewangan dan insurans; telekomunikasi, komputer dan maklumat; serta perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Akaun pendapatan primer terdiri daripada pendapatan pelaburan dan pampasan pekerja. Pada tahun 2015, defisit **akaun pendapatan primer** dijangka bertambah baik kepada RM33.2 bilion (2014: -RM37.3 bilion). Ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan penghantaran balik keuntungan, dividen dan faedah oleh pelabur asing di Malaysia. Meskipun persekitaran perniagaan mencabar, pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur asing di Malaysia dijangka menyusut 10.5% kepada RM71.2 bilion (2014: 8.7%; RM79.5 bilion) disebabkan oleh tekanan ke atas margin keuntungan dan peningkatan kos operasi. Kebanyakan pelaburan bertumpu dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan (terutamanya kewangan, perdagangan borong dan runcit) serta O&G. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada pendapatan ini akan dikekalkan untuk pelaburan semula serta keperluan pelan perniagaan jangka panjang. Penghantaran balik pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri (terutamanya dalam sektor O&G, pembinaan dan perkhidmatan) dijangka merosot 6.7% kepada RM44 bilion (2014: 9.2%; RM47.2 bilion). Sehubungan itu, dengan penghantaran balik keuntungan oleh pelabur asing yang jauh lebih rendah, defisit *akaun pendapatan pelaburan* dijangka bertambah baik kepada RM27.2 bilion (2014: -RM32.3 bilion).

Komponen lain dalam akaun pendapatan primer termasuk *pampasan pekerja*, merangkumi gaji, upah dan faedah lain yang diterima oleh pekerja Malaysia di luar negeri, atau dibayar kepada pekerja bukan pemastautin di Malaysia. Dengan permintaan berterusan bagi kemahiran profesional dan kepakaran teknikal asing dalam pelbagai bidang, aliran keluar bersih dijangka lebih besar pada RM6 bilion (2014: -RM5 bilion).

Pada tahun 2015, aliran keluar kasar terutamanya kiriman wang oleh pekerja asing di Malaysia, dijangka meningkat 4% kepada RM29 bilion (2014: 11.2%; RM27.9 bilion) selaras dengan permintaan pekerja yang lebih tinggi dalam sektor pembinaan, pertanian dan pembuatan. Kiriman wang oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri juga dijangka meningkat, sebahagiannya disebabkan keuntungan pertukaran mata wang asing. Walau bagaimanapun, aliran keluar bersih ***akaun pendapatan sekunder*** dijangka lebih besar pada RM18.5 bilion (2014: -RM17.6 bilion) disebabkan kiriman wang oleh pekerja asing di Malaysia yang lebih tinggi. Sehingga akhir bulan Ogos 2015, terdapat 2.2 juta pekerja asing berdaftar di negara ini yang majoritinya dari Indonesia, Nepal, Bangladesh, Myanmar dan India. Pada masa hadapan, Kerajaan akan memperkenalkan sistem *single-window* dalam talian untuk pengambilan dan pengurusan pekerja asing agar lebih efisien.

Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia mudah terjejas kepada perkembangan persekitaran luar. Masa, kadar dan magnitud kenaikan kadar faedah AS, pertumbuhan ekonomi China yang perlahan dan kesan harga komoditi yang lemah terhadap ekonomi Malaysia merupakan antara faktor yang mempengaruhi volatiliti pasaran. Meskipun ketidaktentuan ekonomi global, **akaun kewangan** mencatat aliran keluar bersih lebih rendah pada RM27.4 bilion dalam tempoh H1 2015 berbanding H2 2014 (-RM32.4 bilion). Ini terutamanya disebabkan pengurangan ketara aliran keluar bersih pelaburan portfolio walaupun pelaburan syarikat Malaysia di luar negeri lebih tinggi.

Dari segi aset, *pelaburan langsung keluar* mencatat aliran keluar yang lebih besar iaitu RM27.6 bilion dalam tempoh H1 2015 (H2 2014: -RM16 bilion) disokong oleh peningkatan pemberian pinjaman syarikat Malaysia kepada syarikat berkaitan terutamanya bagi memudahkan pengambilalihan dalam sektor O&G. Penyuntikan modal ekuiti yang berterusan kepada anak syarikat di luar negeri juga menyumbang kepada aliran keluar bersih. Syarikat Malaysia dijangka terus meneroka ke luar negeri dalam bidang pengkhususannya dan memanfaatkan peluang dalam pasaran baharu dan sedia ada. Ekonomi Malaysia dijangka mendapat manfaat melalui penghantaran balik keuntungan, dividen dan faedah serta pemerolehan teknikal dan kemahiran profesional. Pelaburan di luar negeri lebih bertumpu dalam industri O&G, perkhidmatan kewangan, pertanian perladangan, telekomunikasi, hartanah dan pembuatan.

Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran domestik dan luar negeri. *Pelaburan langsung masuk* mencatat aliran yang lebih besar RM22.4 bilion dalam tempoh H1 2015 (H2 2014: RM15.8 bilion) terutamanya didorong oleh penyuntikan modal ekuiti lebih tinggi dan pelaburan semula oleh MNC. Sektor yang mendapat manfaat daripada aliran masuk FDI adalah perlombongan, pembuatan dan kewangan. Pada tahun 2015, aliran masuk FDI


dijangka berterusan berikutan keyakinan terhadap daya tahan ekonomi benar dan prospek pertumbuhan negara yang baik.

Pelaburan portfolio merujuk kepada urusan niaga antarabangsa dalam sekuriti ekuiti (seperti saham) dan sekuriti hutang (seperti bon, sukuk). Dalam tempoh H1 2015, pelabur pemastautin terus memperoleh aset portfolio di luar negeri, terutamanya dalam sekuriti hutang. Walau bagaimanapun, aliran keluar ini dapat diimbangi oleh pemulihan ketara dalam pembelian sekuriti hutang oleh bukan pemastautin, yang mana mereka terus mempelbagaikan aset kewangan domestik untuk mendapat pulangan lebih tinggi. Sehubungan itu, aliran keluar bersih *pelaburan portfolio* berkurang dengan ketara pada RM19.6 bilion (H2 2014: -RM31.5 bilion). Dengan ketidaktentuan dasar normalisasi kadar faedah AS, aliran portfolio dijangka kekal tidak menentu dalam tempoh H2 2015.

Walau bagaimanapun, *pelaburan lain* mencatat aliran keluar bersih pada RM2.1 bilion (H2 2014: -RM0.1 bilion). Ini disebabkan pengurangan penempatan deposit terutamanya oleh bukan pemastautin dalam sistem perbankan domestik; pemberian kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia; dan pembayaran balik pinjaman bersih luar negeri oleh pemastautin. Pada tahun 2015, akaun pelaburan lain dijangka terus mencatat aliran keluar bersih.

CARTA 3.12

Rizab Antarabangsa



¹ Pada 30 September 2015.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pada 30 September 2015, kedudukan **rizab antarabangsa** Malaysia berjumlah RM415.1 bilion atau USD93.3 bilion (akhir Disember 2014: RM405.3 bilion; USD115.9 bilion) berikutan aliran dua hala yang stabil serta ekonomi benar kekal berdaya tahan. Paras rizab ini mencukupi untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Harga

Inflasi terus terkawal

Inflasi total yang diukur oleh peratus perubahan **CPI**, menyederhana 1.9% dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 3.3%). Walaupun dengan pelaksanaan GST pada bulan April 2015 dan penyusutan nilai ringgit, inflasi telah dapat diimbangi disebabkan oleh harga minyak domestik yang rendah. Harga minyak yang rendah ini susulan pelaksanaan mekanisme harga apungan terkawal⁴ bagi harga minyak pada bulan Disember 2014. Harga minyak mentah global yang rendah telah membantu menurunkan harga minyak dan seterusnya mengekang sebarang tekanan inflasi. Selain itu, lebih daripada 900 barangan dalam kumpulan CPI berkadar sifar turut membantu mengurangkan kesan GST.

Tiga kumpulan utama menyumbang 1.88 mata peratusan terhadap kenaikan keseluruhan CPI (1.9%) ialah kumpulan **makanan dan minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain serta minuman beralkohol dan tembakau**. Walau bagaimanapun, harga kumpulan **pengangkutan** menurun 4.1%, yang

mengurangkan 0.63 mata peratusan. Harga bagi kumpulan **makanan dan minuman bukan alkohol** meningkat perlahan 3.2% (menyumbang kenaikan 1.04 mata peratusan) (Januari – Ogos 2014: 3.6%; 1.14 mata peratusan), terutamanya disebabkan oleh harga kategori **makanan di rumah** yang lebih tinggi, iaitu 3%. Peningkatan harga ini berpunca daripada gangguan bekalan akibat banjir di beberapa negeri pada Q1, berserta permintaan yang kukuh pada musim perayaan dan cuti sekolah serta pelaksanaan GST pada Q2 tahun 2015. Indeks harga kumpulan makanan dan *minuman bukan alkohol* didorong oleh kenaikan harga sub-kumpulan *ikan dan makanan laut* (3.3%); *susu dan telur* (5.6%) dan juga *sayur-sayuran* (5.3%).

Harga kumpulan **perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain** yang merupakan komponen kedua terbesar dalam kumpulan CPI, meningkat perlahan 2.3% (Januari – Ogos 2014: 3.4%). Peningkatan ini didorong oleh harga yang lebih tinggi dalam sub-kumpulan *penyelenggaraan dan pembaikan rumah kediaman* (4.6%) dan *sewa sebenar oleh penyewa* (3.4%). Kumpulan **minuman beralkohol dan tembakau** turut meningkat 11.8% (Januari – Ogos 2014: 13.1%) berikutan kenaikan harga rokok pada bulan April dan Jun 2015.

Susulan pelaksanaan mekanisme harga apungan terkawal, kumpulan **pengangkutan** telah mencatat penurunan 4.1% (Januari – Ogos 2014: 5.4%). Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh kejatuhan harga sub-kumpulan *bahan api dan lubrikan untuk alat ganti kenderaan peribadi* (-8.5%) serta *pengangkutan awam udara* (-7.2%). Sementara itu, harga bagi kumpulan **pakaian dan**

JADUAL 3.20

Indeks Harga Pengguna (CPI) Januari – Ogos (2010 = 100)

	Wajaran	% Pertumbuhan		% Sumbangan kepada CPI	
		2014	2015	2014	2015
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3	3.6	3.2	34.5	54.9
Minuman alkohol dan tembakau	2.2	13.1	11.8	8.6	15.1
Pakaian dan kasut	3.4	-0.2	0.4	-0.1	0.4
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	3.4	2.3	22.6	28.9
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	1.1	2.1	1.4	4.4
Kesihatan	1.3	2.6	4.3	1.0	3.1
Pengangkutan	14.9	5.4	-4.1	24.1	-33.3
Komunikasi	5.7	-0.6	1.3	-1.1	3.4
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	1.7	1.3	2.4	3.1
Pendidikan	1.4	2.3	2.4	1.0	1.8
Restoran dan hotel	3.2	4.7	4.0	4.7	7.2
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3	0.5	3.3	0.9	11.0
Jumlah	100.0	3.3	1.9	100.0	100.0


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

⁴ Di bawah mekanisme harga apungan terkawal, kos purata produk petroleum dari bulan sebelumnya akan diguna pakai sebagai rujukan dalam menentukan harga untuk bulan berikutnya.

CARTA 3.13

Trend CPI dan PPI

(% pertumbuhan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

kasut meningkat marginal 0.4% serta **komunikasi** 1.3% (Januari – Ogos 2014: -0.2%; -0.6%) disebabkan oleh kesan GST.

CPI kawasan bandar telah mencatat peningkatan 2% sementara **kawasan luar bandar** 1.5% (Januari – Ogos 2014: 3.4%; 3.1%) disebabkan oleh kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol serta perumahan, air, elektrik, dan bahan api lain. Dari segi pendapatan, CPI kumpulan **isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000, kurang daripada RM1,500 dan kurang daripada RM1,000**, mencatat peningkatan sebanyak 2.1%, bagi setiap kumpulan berkenaan (Januari – Ogos 2014: 3.4%; 3.3%; 3.1%).

Indeks Harga Pengeluar (PPI), pengukur bagi perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar domestik dan yang dibayar oleh pengimport, merosot 5.7% bagi tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2015: 2.9%) Penurunan PPI terutamanya disebabkan oleh kejatuhan harga bagi komponen **pengeluaran tempatan** sebanyak 8.6%, sementara harga bagi komponen **import** meningkat 0.3% (Januari – Ogos 2015: 3.8%; 1.4%). Kejatuhan PPI sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan harga dalam kumpulan *bahan api mineral, lubrikan dan lain-lain* (-23.5%), *minyak dan lemak haiwan dan sayur-sayuran* (-8%) serta *bahan mentah tidak boleh dimakan dan lain-lain* (-6.9%) menyumbang sebanyak 5.55 mata peratusan kejatuhan tersebut.

PPI pengeluaran tempatan menyumbang 66.4% daripada jumlah PPI, menyusut kepada 8.6% (Januari – Ogos 2014: 3.8%). Penyusutan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kejatuhan dua kumpulan, iaitu kumpulan *bahan api mineral, lubrikan dan lain-lain* (-25.9%) (menyumbang penurunan 6.92 mata peratusan), diikuti oleh *bahan mentah tidak boleh dimakan dan lain-lain* (-8.8%) (penurunan 0.5 mata peratusan). **PPI import**, mengambil kira baki 33.6% daripada jumlah PPI, meningkat marginal 0.3% (Januari – Ogos 2014: 1.4%). Peningkatan ini terutamanya disebabkan kenaikan harga *jentera dan kelengkapan pengangkutan* sebanyak 2.2%, (menyumbang kenaikan 1.33 mata peratusan). Walau bagaimanapun, indeks IHPR import telah terjejas disebabkan oleh penurunan harga dalam kumpulan *bahan api mineral, lubrikan dan lain-lain* sebanyak 10.2% (penurunan 0.94 mata peratusan).

Dari aspek **pemprosesan**, PPI pengeluaran tempatan mencatat penurunan 24.2% bagi kategori *bahan mentah untuk pemprosesan* selanjutnya, diikuti oleh kategori *bahan perantaraan, bekalan dan komponen* yang merosot 6.3%, manakala kategori *barangan siap* meningkat 0.9%. Sementara itu, PPI import mencatat peningkatan bagi kategori *bahan perantaraan* (1.5%), berserta *barangan siap* (0.7%). Walau bagaimanapun, peningkatan PPI import terjejas disebabkan penurunan 7.6% oleh kategori *bahan mentah untuk pemprosesan selanjutnya*.

JADUAL 3.21

Indeks Harga Pengeluar (PPI) Januari – Ogos (2010 = 100)¹

	Wajaran	% Pertumbuhan		% Sumbangan kepada PPI	
		2014	2015	2014	2015
Ekonomi domestik	100.0	2.9	-5.7	100.0	100.0
Makanan	5.7	5.0	1.2	0.28	0.07
Minuman dan tembakau	1.0	3.3	0.2	0.03	0.00
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	6.7	1.9	-6.9	0.09	-0.31
Bahan api galian, pelincir, dll.	19.9	4.6	-23.5	0.95	-4.92
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	7.3	12.5	-8.0	0.45	-0.32
Bahan kimia	8.2	2.9	-0.8	0.21	-0.01
Barang-barang keluaran kilang	11.3	0.5	0.2	0.05	0.02
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	33.9	1.1	2.0	0.45	0.83
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	0.7	1.5	0.04	0.08
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.6	-3.7	5.0	-0.02	0.02
Pengeluaran tempatan	66.4	3.8	-8.6	3.8	-8.6
Import	33.6	1.4	0.3	1.4	0.3

¹ Berkuatkuasa pada bulan Januari 2015, tahun asas PPI telah dipinda daripada 2005 kepada 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh kekal menggalakkan

Keadaan pasaran buruh kekal menggalakkan dalam tempoh H1 2015 selari dengan pertumbuhan berterusan sektor ekonomi yang menyumbang kepada permintaan buruh yang kukuh. Dalam tempoh tersebut, jumlah bilangan **tenaga buruh** meningkat 1.8% kepada 14.1 juta orang (H1 2014: 3.5%; 13.9 juta orang). Jumlah bilangan **guna tenaga** meningkat 1.7% kepada 13.7 juta (H1 2014: 3.6%; 13.5 juta) dengan sektor perkhidmatan terus menyediakan peluang pekerjaan terbesar sebanyak 8.2 juta (59.9%), terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit (2.3 juta; 16.9%), diikuti sektor pembuatan (2.2 juta; 15.7%) dan pertanian (1.7 juta; 12.7%). Peningkatan dalam jumlah guna tenaga sebahagian besarnya disumbang oleh tenaga buruh dalam kumpulan umur antara 25 dan 34 tahun serta pertumbuhan kecil dalam kadar penyertaan tenaga buruh wanita pada 53.8% (H1 2014: 53.5%). Secara keseluruhan, ekonomi terus mengalami guna tenaga penuh dengan **kadar pengangguran** pada 3.1% dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 3%). Selari dengan unjuran pertumbuhan KDNK dalam lingkungan 4.5% – 5.5% pada tahun 2015, pasaran buruh dijangka menggalakkan dengan kadar pengangguran yang rendah pada 2.9%. Sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai penyumbang utama kepada guna tenaga.

JADUAL 3.22

Penunjuk Pasaran Buruh Januari – Jun

	('000)		% Pertumbuhan	
	2014	2015	2014	2015
Tenaga buruh	13,894.0	14,146.5	3.5	1.8
Guna tenaga	13,483.4	13,711.4	3.6	1.7
Pengangguran	410.7	435.1	(3.0)	(3.1)

Nota: Angka dalam kurungan adalah kadar pengangguran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penduduk umur bekerja⁵ dijangka meningkat 1.5% kepada 20.9 juta orang (2015) (2014: 20.6 juta orang), mewakili 68% daripada jumlah penduduk. Berikutan peningkatan jumlah penduduk umur bekerja, **nisbah tanggungan**⁶ bertambah baik kepada 45.4 pada tahun 2015 (2014: 45.7).

Dari sudut peluang pekerjaan, jumlah **jawatan kosong** yang dilaporkan oleh JobsMalaysia adalah sebanyak 763,883 bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2015 (Januari – Ogos 2014: 757,031). Sektor pembuatan adalah penyumbang terbesar kepada jawatan kosong iaitu 28.9% atau 220,823 diikuti perkhidmatan (27.3%; 208,169), pertanian (24.6%; 187,575) dan pembinaan (19%; 145,063). Dari segi kumpulan pekerjaan,

⁵ Merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun dan sama ada berada dalam atau luar tenaga buruh.

⁶ Nisbah tanggungan mengukur bilangan orang yang bergantung (umur 0-14 dan 65 tahun dan ke atas) kepada jumlah penduduk bekerja (15 hingga 64 tahun). Penambahbaikan pada nisbah tanggungan adalah penunjuk bahawa Malaysia menikmati 'dividen demografi' – pertumbuhan jumlah penduduk bekerja (15 hingga 64 tahun) yang aktif bekerja dan pendapatan mereka mampu menanggung keperluan orang yang ditanggung yang berada di luar pasaran buruh.

pekerjaan asas⁷ mencatat kekosongan tertinggi sebanyak 518,538 jawatan, diikuti pekerjaan perkhidmatan dan jualan (83,825) dan operator loji dan mesin dan pemasang (67,849) (Januari – Ogos 2014: 534,887; 64,090; 85,207). Di samping itu, sebanyak 22,694 jawatan kosong direkod untuk kumpulan profesional, 19,687 untuk pengurus serta 10,198 untuk juruteknik dan profesional bersekutu (Januari – Ogos 2014: 21,672; 3,007; 13,079).

Bilangan **pencari kerja aktif** mengecil 27.2% kepada 292,550 dengan 64,482 (22%) merupakan pendaftar baharu dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: -1.4%; 401,827; 104,779). Daripada jumlah pencari kerja aktif, 66.1% mewakili kumpulan umur 20 – 24 tahun, diikuti kumpulan umur 25 – 29 tahun (15.8%) dan kumpulan umur 15 – 19 tahun (13%). Sejumlah 103,562 orang (35.4%) pencari kerja aktif adalah pemegang ijazah diikuti oleh pelajar lepasan SPM (76,008; 26%) dan pemegang diploma (72,831; 24.9%). Dari segi penempatan, sektor pembuatan menyerap 15,085 pencari kerja, diikuti oleh perkhidmatan (9,017), pembinaan (3,337), pertanian (2,180) dan perlombongan (149).

Berdasarkan laporan Kementerian Sumber Manusia (KSM), bilangan **pekerja yang diberhentikan** berkurang 10.3% kepada 13,403 orang bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2015 (Januari – Ogos 2014: -29.7%; 14,949)⁸. Sebahagian besar pekerja yang diberhentikan adalah operator loji dan mesin dan pemasang serta juruteknik dan profesional bersekutu berjumlah 4,720 orang. Daripada jumlah pekerja yang diberhentikan, sektor perkhidmatan mencatatkan jumlah tertinggi melibatkan 50% dan diikuti sektor pembuatan (44.2%) berikutan penutupan operasi perniagaan dan pelaksanaan saiz optimal tenaga kerja oleh majikan.

Produktiviti buruh⁹ berkembang 3.5% kepada RM61,708 pada tahun 2014 (2013: 0.9%; RM59,622), terutamanya disokong oleh peningkatan output buruh dalam industri berorientasikan eksport. Produktiviti sektor pembuatan meningkat 3.8% kepada RM90,556 (2013: 4.2%; RM87,248) disokong pertumbuhan dua angka dalam subsektor produk asas farmaseutikal, produk kayu dan berasaskan kayu serta E&E. Sektor pembinaan mencatat prestasi produktiviti tertinggi, iaitu 13.2% kepada RM26,895 (2013: 3.8%; RM23,755) terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan kukuh subsektor kediaman dan bukan kediaman. Produktiviti sektor perkhidmatan meningkat 2.2% kepada RM63,897 pada tahun 2014 (2013: 2.6%; RM62,492) disumbang oleh industri penjagaan kesihatan serta pengangkutan dan penyimpanan.

Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah Tahun 2014 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa purata **gaji dan upah** bulanan yang diterima oleh pekerja

meningkat 8.7% kepada RM2,231 pada tahun 2014 (2013: 7.1%; RM2,052). Sektor perlombongan dan kuari mencatat purata upah tertinggi sebanyak RM4,904, diikuti aktiviti hartanah (RM3,887) dan pendidikan (RM3,772). Walau bagaimanapun, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan mencatat purata gaji terendah, iaitu RM1,138. Sementara itu, purata gaji bulanan pekerja berpendidikan tertiar ialah RM3,686, pendidikan menengah (RM1,713) dan pendidikan rendah (RM1,182). Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2015, purata gaji dan upah bagi setiap pekerja dalam sektor pembuatan meningkat 4.5% kepada RM2,897 (Januari – Julai 2014: 6.9%; RM2,772). Memandangkan data gaji adalah penting untuk pasaran buruh, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Indeks Gaji Kebangsaan (NWI) dalam RMKe-11 yang akan menjadi panduan dan penanda aras bagi majikan untuk menentukan kadar gaji pekerja mengikut kelayakan, kemahiran dan produktiviti. Di samping itu, pelaksanaan Dasar Gaji Minimum telah membantu menangani herotan pasaran buruh. Pada akhir RMKe-10, seramai 1.9 juta pekerja dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan dasar gaji minimum. Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012 bagi menangani isu gaji tidak setimpal dan peningkatan kos sara hidup.

Kualiti tenaga buruh telah bertambah baik dengan bilangan berpendidikan tertiar meningkat kepada 3.9 juta orang yang mewakili 27.8% daripada jumlah tenaga buruh dalam tempoh H1 2015 (H1 2014: 3.6 juta; 26.1%). Usaha mempersiapkan belia bagi memasuki alam pekerjaan dan jaminan penempatan kerja akan digiatkan melalui program khas seperti Skim Kemahiran dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), *National Dual Training System* (NDTS)¹⁰ dan *1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat* (1MASTER). Di samping itu, di bawah RMKe-11, Kerajaan akan meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi di kalangan pelajar dari isi rumah B40¹¹ melalui program khas. Manakala bagi meningkatkan bilangan pelajar dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Kerajaan akan melaksanakan tiga strategi utama, iaitu memperkukuh tadbir urus; meningkatkan kualiti dan penyampaian program serta penjenamaan semula untuk meningkatkan daya tarikannya.

Berikutan peralihan Malaysia daripada sebuah negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, terdapat keperluan untuk mewujudkan pekerjaan pada setiap tahap kemahiran melalui kerjasama berterusan antara Kerajaan, para akademik, industri dan pusat latihan bagi memenuhi keperluan industri. Ke arah ini, penubuhan *Critical Skills Committee* (CSC) yang diterajui bersama oleh Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp) dan Institut

⁷ Pekerjaan asas menjalankan tugas yang mudah dan rutin yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan dan dalam beberapa kes memerlukan daya fizikal yang banyak. Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan ini memerlukan kemahiran pada tahap kemahiran yang pertama seperti pencuci, pembantu dan buruh.

⁸ Angka yang disemak semula oleh Kementerian Sumber Manusia.

⁹ Laporan Produktiviti 2014/2015 oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia.

¹⁰ NDTS menawarkan latihan berasaskan industri, iaitu 70% daripada latihan dilaksanakan di syarikat dan 30% di institut TVET.

¹¹ Merujuk kepada isi rumah berpendapatan sehingga RM3,855 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014).

JADUAL 3.23

Guna Tenaga mengikut Industri Januari – Jun

	('000)		% Bahagian	
	2014	2015	2014	2015
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,676.5	1,691.0	12.4	12.7
Perlombongan dan pengkuarian	77.7	98.9	0.6	0.7
Pembuatan	2,207.8	2,174.1	16.4	15.7
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	63.8	52.2	0.5	0.4
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	81.1	73.4	0.6	0.5
Pembinaan	1,228.5	1,268.9	9.1	9.3
Perkhidmatan	8,002.8	8,214.5	59.4	59.9
Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2,296.7	2,328.8	17.0	16.9
Pengangkutan dan penyimpanan	606.8	627.6	4.5	4.6
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,109.3	1,106.5	8.2	8.0
Maklumat dan komunikasi	208.1	219.5	1.5	1.6
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	307.5	361.2	2.3	2.6
Aktiviti hartanah	74.7	68.3	0.6	0.5
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	315.2	369.2	2.3	2.7
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	633.8	622.4	4.7	4.6
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	756.4	756.5	5.6	5.4
Pendidikan	884.5	913.1	6.6	6.7
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	518.5	560.9	3.8	4.0
Kesenian, hiburan dan rekreasi	92.7	78.6	0.7	0.6
Aktiviti perkhidmatan lain	198.6	201.9	1.5	1.5
Aktiviti isi rumah sebagai majikan	142.5	137.5	1.1	1.0
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	2.9	0.8	0.0	0.0
Jumlah	13,483.3	13,711.4	100.0	100.0

Nota: Industri dikelaskan mengikut 'Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008'.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) mengenal pasti kemahiran kritikal untuk menyelaraskan intervensi dasar berkaitan imigresen, peningkatan kemahiran, biasiswa, pendidikan tinggi dan TEVT. Senarai kemahiran kritikal boleh membantu pulangan pelaburan awam dalam intervensi modal insan dengan memperuntukkan sumber berdasarkan keperluan pasaran buruh. Di samping itu, TalentCorp akan meningkatkan usaha untuk merapatkan jurang kemahiran dengan memudahcara rakyat Malaysia di luar negara yang berpengetahuan untuk kembali bekerja di Malaysia, penubuhan Ind-E-Zone dan Kerjasama Industri Akademik untuk pelajar Malaysia di universiti tempatan serta menggalakkan majikan melabur untuk kemahiran pekerja melalui program Talent ProCertification.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, jumlah **pekerja asing**¹² berdaftar di negara ini meningkat kepada 2.2 juta (Januari – Ogos 2014: 2 juta). Penggajian pekerja asing sebahagian besarnya tertumpu di sektor pembuatan (770,518), pembinaan (437,803) dan perladangan (314,362). Berdasarkan negara asal, 38% (840,811) pekerja asing adalah dari Indonesia, diikuti

Nepal (24%; 536,747), Bangladesh (12%; 274,178) dan Myanmar (6%; 142,759). Di bawah RMKe-11, Kerajaan akan meningkatkan kecukupan pengurusan pekerja asing melalui penambahbaikan rangka kerja sedia ada dengan mengemaskini undang-undang, peraturan, dasar Kerajaan dan arahan yang relevan berkaitan pengambilan, penggajian dan penghantaran pulang pekerja.

Jumlah **ekspatriat** di Malaysia meningkat kepada 151,687 orang pada lapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: 97,908). Ekspatriat daripada Bangladesh mencatat jumlah tertinggi seramai 43,975 orang mewakili 28.9% daripada jumlah ekspatriat, diikuti India (24,600; 16.2%), China (14,953; 9.9%) dan Filipina (9,387; 6.2%). Kebanyakan ekspatriat bekerja dalam sektor perkhidmatan (67,063), ICT (25,978), pembuatan (22,922) dan pembinaan (20,815). TalentCorp dan Jabatan Imigresen Malaysia telah bekerjasama menubuhkan Pusat Perkhidmatan Ekspatriat Malaysia (Pusat MYXpats). Pusat ini yang mula beroperasi sejak bulan Jun 2015 menyediakan perkhidmatan pantas untuk Pas Pekerjaan dan perkhidmatan berkaitan kepada majikan dan ekspatriat.

¹² Pekerja asing yang berdaftar di bawah Pas Lawatan Kerja Sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Rencana 2**Pasaran Buruh: Isu dan Cabaran****Pengenalan**

Kedudukan pasaran buruh Malaysia kekal ketat dengan kadar pengangguran berada sekitar 3% bagi tempoh lima tahun yang lalu, menunjukkan guna tenaga penuh. Kadar penyertaan tenaga buruh terus kukuh daripada kadar rendah di bawah 63% pada tahun 2008 kepada 67.5% pada tahun 2014, didorong oleh peningkatan yang kukuh dalam kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 53.6% pada tahun 2014 daripada 45.7% pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan keseluruhan serta kadar penyertaan tenaga buruh wanita terus ketinggalan berbanding negara serantau dan ekonomi maju.

Isu dan cabaran

Pasaran buruh Malaysia menghadapi beberapa cabaran utama seperti produktiviti buruh yang rendah, tenaga kerja berkualiti yang tidak mencukupi, pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi yang perlahan, pengangguran belia yang agak tinggi dalam persekitaran keadaan guna tenaga penuh terutama dalam kalangan graduan, penyertaan tenaga buruh wanita yang rendah, dan kebergantungan berterusan kepada pekerja asing kurang mahir.

JADUAL 1**Penunjuk Pasaran Buruh (tahun terpilih)**

	2004	2008	2012	2014	Sasaran RMKe-11
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)	64.4	62.6	65.5	67.5	70.1
Guna Tenaga (orang '000)	9,979.5	10,659.6	12,723.2	13,532.1	15,292.0
Kadar Pengangguran (%)	3.5	3.3	3.0	2.9	2.8
Pertumbuhan KDNK Benar (%)	6.8	4.8	5.5	6.0	5.0 - 6.0
Pertumbuhan Produktiviti (%)	2.5	3.2	2.0	3.5	3.7

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Produktiviti buruh yang rendah

Tahap produktiviti buruh di Malaysia masih ketinggalan berbanding kebanyakan ekonomi maju dan negara membangun. Pada tahun 2014, Malaysia mencatat pertumbuhan produktiviti 3.5% berbanding China (7%) dan Filipina (5.6%). Tahap produktiviti yang lebih rendah adalah disebabkan oleh ketidakcekapan yang rendah dalam penggunaan sumber, proses inovatif yang tidak mencukupi dan kekurangan tenaga kerja mahir. Malaysia harus menyasarkan pertumbuhan produktiviti mapan pada 3% – 4%, hampir dua kali ganda daripada 2% yang dicapai dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Ia adalah matlamat yang mencabar tetapi meningkatkan produktiviti adalah kritikal bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Mengukuhkan kemahiran dan produktiviti adalah penting untuk meningkatkan upah benar pekerja dan cara terbaik untuk membantu rakyat berpendapatan rendah. Malaysia berpotensi mencatatkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 3.7% dalam tempoh lima tahun akan datang seperti disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Usaha ini perlu dilaksanakan secara holistik, bersepadu dan disokong di peringkat Kerajaan, industri dan perusahaan. Syarikat perlu bersaing melalui inovasi, pelaburan terhadap pekerja, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi dan memupuk budaya produktiviti di kalangan semua rakyat Malaysia. Ia adalah penting untuk meningkatkan tahap produktiviti agar setanding dengan negara utama yang berproduktiviti tinggi.

Kekurangan tenaga kerja berkualiti dan pewujudan peluang pekerjaan berkualiti

Walaupun trend pekerjaan di Malaysia menunjukkan bahawa sebilangan besar pekerjaan baharu telah diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), kebanyakannya adalah dalam kategori separuh mahir. Pada tahun 2014, komposisi pekerja berkemahiran tinggi dalam tenaga kerja seperti pengurus, profesional serta juruteknik dan profesional bersekutu kekal pada 25.2%, manakala pekerjaan separuh mahir menyumbang 62.2% dan berkemahiran rendah pada kadar 12.6%. Tambahan pula, dianggarkan 553,000 pekerja dalam kategori separuh mahir mempunyai diploma atau kelulusan yang lebih tinggi, menunjukkan pewujudan pekerjaan mahir tidak mencukupi. Di samping itu, beberapa kajian pasaran buruh dan maklum balas daripada industri turut membuktikan bahawa kuantiti dan kualiti pekerja tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pasaran buruh. Pekerja didapati mempunyai kekurangan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah seperti komunikasi dan penguasaan Bahasa Inggeris. Dengan tumpuan yang lebih kepada aktiviti bernilai tambah tinggi dan berintensifkan pengetahuan di bawah RMKe-11, permintaan untuk tenaga kerja berkemahiran

tinggi dijangka meningkat kepada 35% menjelang tahun 2020. Inisiatif ini akan melibatkan transformasi jenis pekerjaan sedia ada dalam pasaran buruh daripada 'tradisional' kepada moden yang berproduktiviti lebih tinggi dan menggalakkan pertumbuhan upah.

Pengangguran belia


Pada tahun 2013, walaupun pasaran buruh berada dalam persekitaran guna tenaga penuh, belia dalam kumpulan umur 15 – 24 tahun membentuk 57.5% daripada jumlah orang yang menganggur. Situasi ini sebahagian besar disebabkan oleh kekurangan kelayakan dan pengalaman. Bagi menangani isu ini, belia akan diberi peluang latihan berorientasikan industri sebelum menyertai pasaran kerja. Belia juga akan digalakkan untuk menamatkan persekolahan dan melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi termasuk dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebelum memasuki pasaran buruh.

Penyertaan tenaga buruh wanita yang rendah

Wanita merupakan sumber bakat penting yang belum diteroka sepenuhnya. Penyertaan tenaga buruh wanita kekal rendah berbanding dengan tahap pembangunan Malaysia, walaupun kadar enrolmen wanita lebih tinggi di peringkat pendidikan menengah dan pengajian tinggi. Hasil beberapa inisiatif untuk menarik lebih ramai wanita menyertai pasaran buruh, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita telah meningkat kepada 53.6% pada tahun 2014. KPTB wanita tersebut dijangka mencapai 55% pada tahun 2015 dan 57% pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, tahap ini masih rendah berbanding dengan negara lain seperti Hong Kong (54.6%) dan Singapura (58.6%). Tambahan pula, ketidaksetaraan gender terdapat dalam beberapa dimensi pasaran buruh Malaysia, terutama di peringkat pengurusan dan pembuat keputusan organisasi. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2014 melaporkan hanya 22% daripada pengurus di Malaysia adalah wanita. Kadar ini adalah rendah berbanding Australia (36%) dan Filipina (48%). Di samping itu, kadar penyertaan wanita lebih rendah kerana sebahagian besar daripada mereka bekerja dalam sektor tidak formal dengan kebanyakan mereka bekerja dengan keluarga dan tidak menerima upah. Oleh itu, transformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi yang inklusif memerlukan lebih ramai penyertaan wanita termasuk dalam bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM) dan kemahiran teknikal lain

CARTA 1


Kadar Penyertaan Tenaga Buruh mengikut Jantina (tahun terpilih)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 2

Pekerja Asing¹ mengikut Sektor (tahun terpilih)



¹ Tidak termasuk pendatang asing tanpa izin dan Program 6P.
Sumber: Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

serta dalam jawatan pengurusan dan lembaga pengarah. Waktu kerja yang fleksibel, hak yang mencukupi bagi penjagaan anak dan orang tua boleh menarik wanita untuk menyertai tenaga kerja.

Kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah

Akses mudah terhadap kos secara relatif lebih rendah serta ketiadaan dasar yang komprehensif telah menyumbang kepada peningkatan bilangan pekerja asing¹ berkemahiran rendah. Kesannya, bilangan pekerja asing yang berdaftar mencatatkan 2.1 juta orang pada tahun 2014. Menyedari kesan buruk daripada kebergantungan berlebihan kepada pekerja asing berkemahiran rendah, Kerajaan telah menetapkan had pekerja asing kepada 15% daripada jumlah tenaga kerja pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, adalah amat mencabar untuk mencapai sasaran ini, khususnya untuk pekerjaan yang kotor, berbahaya dan sukar serta pekerjaan tidak mahir dalam industri am seperti pembuatan dan pertanian.

Memburukkan lagi keadaan adalah tahap kesediaan yang rendah untuk meningkatkan rantai nilai dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah, terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Situasi ini telah menghalang pelaburan dalam penggunaan mesin, automasi dan inovasi. Ia juga menghalang pertambahan pekerja mahir tempatan serta menambah cabaran bagi meningkatkan tahap produktiviti dan upah.

Kesan peralihan demografi

Peralihan demografi akan memberi kesan yang besar kepada pembangunan modal insan secara keseluruhan kerana ia mempengaruhi penawaran dan permintaan tenaga kerja. Penurunan yang berterusan dalam kadar fertiliti memberi kesan kepada bilangan penduduk muda (0 – 14 tahun) yang dijangka berkurang daripada 7.8 juta pada tahun 2010 kepada 7.7 juta pada tahun 2015. Pada penghujung spektrum, penduduk tua (65 tahun dan ke atas) berkembang pada kadar 4.5% setahun sepanjang tempoh 2010 – 2015 mencecah 1.8 juta (5% daripada jumlah penduduk) pada tahun 2015. Pada tahun 2035, Malaysia dijangka mencapai status negara tua². Penduduk tua memerlukan peningkatan perbelanjaan untuk dana pencen dan kos berkaitan kesihatan. Ia juga memberi tekanan kepada penduduk umur bekerja untuk menyara mereka.

Prospek

RMKe-11 telah menggariskan beberapa langkah untuk meneroka potensi buruh bagi memacu ekonomi. Tumpuan adalah untuk menambahbaik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi; mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri; memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kemahiran; dan menambahbaik kualiti pendidikan untuk meningkatkan keberhasilan pelajar dan kecemerlangan institusi. Bagi kecekapan pasaran buruh, strategi menyasarkan peningkatan produktiviti pekerja dan gaji melalui peralihan kepada pekerjaan berkemahiran tinggi dan penggunaan lebih luas Sistem Upah Yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS). Di samping itu, Kerajaan akan merangka Pelan Pembangunan Produktiviti Malaysia lima tahun, menubuhkan Majlis Produktiviti Negara (NPC) dan mewujudkan Indeks Gaji Nasional. Sementara itu, satu Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) akan diwujudkan bersama-sama dengan Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) dan Pusat Pembangunan Graduan Akademia-Industri (AIGDC) untuk menangani isu ketidakpadanan bakat.

Untuk meningkatkan penyertaan wanita, Kerajaan akan memperluaskan akses kepada pekerjaan melalui program *1Malaysia Support For Housewives* dan *Flexiworklife*. Dalam usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing kurang mahir, sistem kawalselia levi yang lebih baik akan diguna pakai dengan mewajibkan majikan pekerja asing untuk bertanggung jawab sepenuhnya bagi proses pengambilan serta kebajikan pekerja.

Penambahbaikan dalam pengurusan TVET termasuk inisiatif untuk mewujudkan sistem kelayakan tunggal oleh kedua-dua Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta. Selain itu, Pertandingan MySkills dan Pertandingan Kemahiran Antarabangsa untuk pelajar TVET akan dilaksanakan sebagai usaha promosi. Bagi mengukuhkan pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kemahiran, Kerajaan akan terus menambahbaik program kemahiran berasaskan industri dan latihan berkaitan keusahawanan. Pada masa yang sama, Skim Latihan Pekerja Masa Hadapan (FWT) akan ditubuhkan untuk menggalakkan latihan pra-pekerjaan dengan tumpuan kepada teknologi baharu.

¹ Pekerja asing yang berdaftar di bawah Pas Lawatan Kerja Sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

² Berdasarkan Dasar Warga Emas Negara, status ini merujuk kepada keadaan di mana 15% daripada penduduk terdiri daripada mereka yang berusia 60 tahun ke atas.

Menyedari kepentingan sistem pendidikan yang berkualiti, langkah penambahbaikan akan merangkumi prasekolah, pendidikan lepasan menengah dan pendidikan tinggi. Ini termasuk meningkatkan kualiti penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak, meningkatkan pembangunan profesional, memperkasa Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), mengukuhkan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru bagi menyokong pendidikan, semakan kurikulum secara berkala oleh institusi pengajian tinggi dan pelancaran *Massive Open Online Courses* (MOOCs) dalam bidang kepakaran tertentu.

Kesimpulan

Walaupun kemajuan yang memberangsangkan telah dicapai dalam dasar pasaran buruh, cabaran kritikal terus kekal seperti produktiviti buruh yang rendah, tenaga kerja berkualiti yang tidak mencukupi, kadar penyertaan tenaga buruh wanita rendah dan kebergantungan kepada pekerja asing kurang mahir serta kesan daripada peralihan demografi. Pertumbuhan ekonomi yang mapan membawa kepada berpendapatan tinggi memerlukan pasaran buruh yang berfungsi dengan cekap dan bertindak balas secara dinamik kepada pelarasan dalam bekalan tenaga kerja dan ketidakseimbangan permintaan. Inisiatif dasar dan langkah yang berterusan akan memperbaharui pasaran buruh ke arah modal insan berkemahiran tinggi, inovatif dan berdaya saing di peringkat global yang merupakan pra-syarat utama untuk mencapai negara berpendapatan tinggi.

Rujukan

1. *Jabatan Perangkaan Malaysia – pelbagai tahun*
2. *Unit Perancang Ekonomi – pelbagai tahun.*
3. *Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)*
4. *Malaysia Economic Monitor, Bank Dunia – pelbagai tahun.*
5. *Perbadanan Produktiviti Malaysia 2014/2015.*

Prospek 2016

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan dipacu oleh permintaan domestik

Unjuran pertumbuhan pada tahun 2016 mengambil kira keseimbangan terhadap tahap kelembapan pertumbuhan negara pesat berkembang, terutamanya China. Selain itu, risiko lain yang perlu diambil kira adalah penurunan harga komoditi, volatiliti pasaran kewangan dan penyusutan nilai mata wang ekonomi pesat berkembang.

Dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan dipacu oleh permintaan domestik diterajui oleh perbelanjaan swasta manakala perbelanjaan awam dijangka meningkat sederhana. Pertumbuhan ini dijangka disokong fundamental ekonomi yang kukuh seperti kadar inflasi yang rendah dan prospek pekerjaan stabil didorong oleh dasar monetari akomodatif. Oleh itu, ekonomi Malaysia dijangka kekal stabil, berkembang dalam lingkungan 4% – 5% pada tahun 2016. Dari sudut penawaran, pertumbuhan walaupun sederhana, ia dijangka menyeluruh disokong oleh pengembangan semua sektor ekonomi dengan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sehubungan itu, GNI per kapita nominal dijangka meningkat 5.6% kepada RM38,438 pada tahun 2016 (2015: 4.2%; RM36,397).

Pada tahun 2016, kesan GST ke atas harga dijangka berkurang, manakala ringgit yang semakin lemah boleh

membawa kepada harga yang lebih tinggi dalam beberapa barangan yang diimport. Walau bagaimanapun, ini akan diimbangi oleh harga komoditi serta inflasi global yang lebih rendah. Di samping itu, ekonomi dijangka mampu beroperasi selaras dengan potensi pengeluaran tanpa sebarang peningkatan tekanan yang ketara terhadap harga dalam negeri. Dengan itu, inflasi dijangka kekal stabil pada 2% – 3% pada tahun 2016.

Prospek Mengikut Sektor

Pertumbuhan menyeluruh

Dari sudut **penawaran**, pertumbuhan dijangka menyeluruh dengan semua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif. Pertumbuhan sektor perkhidmatan akan dipacu oleh penggunaan swasta berdaya tahan dan aktiviti pelancongan yang lebih tinggi. Sektor pembuatan dijangka berkembang sederhana disebabkan jangkaan pertumbuhan yang lebih perlahan di China. Walau bagaimanapun, permintaan luar dan domestik yang bertambah baik menyokong pertumbuhan industri berorientasikan eksport dan domestik. Prestasi sektor pembinaan diunjur mengukuh disokong oleh pembinaan projek infrastruktur mega dan aktiviti pembinaan sektor harta tanah yang mapan. Pertumbuhan sektor pertanian pula dijangka disokong oleh peningkatan pengeluaran kelapa sawit dan getah serta komoditi makanan. Sementara itu, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dan gas asli yang lebih tinggi dijangka mendorong pertumbuhan sektor perlombongan.

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang 5.4% pada tahun 2016 (2015: 5.7%) dengan semua subsektor mencatat pertumbuhan positif. Sementara itu, peratusan sektor perkhidmatan kepada KDNK meningkat 54% (2015: 53.8%). Subsektor perdagangan borong dan runcit dianggarkan meningkat 6.5%, manakala makanan, minuman dan penginapan berkembang 6% (2015: 7.6%; 6.2%). Pertumbuhan akan disokong oleh penggunaan domestik yang stabil dan aktiviti pelancongan yang lebih kukuh dipacu oleh inisiatif untuk meningkatkan ketibaan pelancong asing serta menggiatkan pelancongan domestik. Selain itu, pertumbuhan sektor pelancongan akan terus dirancarkan melalui pelaksanaan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (MTTP). Sementara itu, subsektor komunikasi dan maklumat meningkat 9.6% (2015: 9.7%) disokong oleh permintaan berterusan bagi perkhidmatan selular dan jalur lebar berikutan kadar mampu milik dan promosi oleh pemain industri. Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang 7.1% (2015: 7.9%) dipacu oleh aktiviti pembinaan yang kukuh. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan pula diunjur meningkat 5% (2015: 5.4%) disumbang oleh perkhidmatan pelabuhan dan rel serta perkhidmatan bas yang lebih cekap.

Nilai ditambah **sektor pembuatan** diunjur berkembang 4.3% (2015: 4.5%). Industri berorientasikan eksport dijangka mendapat manfaat daripada permintaan lebih tinggi berikutan peningkatan pertumbuhan ekonomi maju. Manakala industri berorientasikan domestik berkembang sejajar dengan aktiviti ekonomi domestik berdaya tahan. Industri E&E dijangka berkembang dipacu oleh permintaan lebih tinggi bagi subsektor elektronik pengguna serta jentera dan peralatan. Industri berasaskan sumber dijangka berkembang kukuh disebabkan permintaan lebih baik bagi produk kimia, petroleum, getah, kayu dan plastik. Di samping itu, aktiviti pembinaan yang mapan berikutan pelaksanaan projek infrastruktur mega di bawah RMKe-11 akan menyokong pertumbuhan segmen besi dan keluli serta simen.

Pertumbuhan **sektor pertanian** dijangka kekal 1.3% pada tahun 2016 (2015: 1.3%) disokong oleh peningkatan subsektor perladangan dan komoditi makanan yang lebih kukuh. Pengeluaran CPO dianggarkan meningkat sedikit 1% kepada 20.1 juta tan metrik berikutan peningkatan hasil dan peluasan kawasan tanaman produktif. Pengeluaran getah juga dijangka berkembang 0.7% kepada 680,000 tan metrik, sebahagiannya disebabkan pelbagai langkah berterusan untuk meningkatkan pengeluaran dalam persekitaran harga getah yang stabil. Komoditi makanan dijangka terus berkembang disebabkan permintaan yang lebih tinggi daripada isi rumah. Subsektor ternakan dijangka terus meningkat, dipacu oleh pengeluaran ayam-itik yang lebih tinggi sejajar dengan permintaan yang lebih kukuh daripada aktiviti hiliran ayam-itik.

Sektor perlombongan dijangka kekal kukuh dengan pertumbuhan 4% pada tahun 2016 (2015: 3.5%), disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi gas asli dan minyak mentah (termasuk kondensat). Pengeluaran gas asli dijangka meningkat 5.1% kepada 6,750 jkps, terutamanya dengan permulaan operasi projek terminal gas asli cecair terapung yang terletak di Sarawak yang akan menghasilkan 1.2 juta tan gas asli setiap tahun. Di samping itu, pengeluaran gas asli juga meningkat disebabkan kemudahan LNG Train 9 yang akan mula beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2016. Sementara itu, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka meningkat 1.6% kepada purata 640,000 bpd pada tahun 2016. Sementara itu, harga minyak mentah terus kekal lemah dengan purata anggaran USD48 pb berikutan situasi lebih penawaran.

Sektor pembinaan dijangka meningkat 8.4% (2015: 8.8%), sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti infrastruktur. Sektor ini mendapat manfaat terutamanya daripada aktiviti kejuruteraan awam seperti Lebuhraya Pan-Borneo, MRT Line 2 dan projek Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC). Sementara itu, subsektor bukan kediaman dijangka berkembang dipacu oleh pembinaan bangunan komersial yang berterusan. Pertumbuhan subsektor kediaman diunjur terus menyokong inisiatif Kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat.

Permintaan Domestik

Permintaan domestik kekal berdaya tahan

Permintaan domestik dijangka mencatat pertumbuhan 5.5% (2015: 5.9%) didorong oleh perbelanjaan sektor swasta. Prestasi sektor swasta yang kukuh dalam ketidaktentuan ekonomi global membolehkan Kerajaan terus memantapkan kedudukan fiskal dan meneguhkan lagi peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. Aktiviti sektor swasta dijangka berkembang disokong oleh pertumbuhan menyeluruh semua sektor, hasil manfaat oleh pelaksanaan inisiatif yang berterusan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan ETP. Di samping itu, permulaan pelaksanaan pelbagai program di bawah RMKe-11 terus menyokong pertumbuhan.

Pelaburan swasta dijangka meningkat 6.7% (2015: 7.3%) dengan sebahagian besar perbelanjaan adalah dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pelaburan industri pembuatan diunjur meningkat, khususnya produk E&E, kimia serta M&E bernilai tambah tinggi dan industri berpotensi tinggi seperti peranti perubatan dan aeroangkasa. Dalam sektor perkhidmatan, perbelanjaan modal dijangka meningkat dalam ICT, perkhidmatan O&G, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, perkhidmatan profesional, ekopelancongan dan industri

halal selaras dengan usaha Kerajaan untuk merancakkan semula dan memodenkan sektor ini. Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan domestik, terutamanya PKS melalui pelaksanaan berterusan di bawah Pelan Induk PKS. Inisiatif ini akan meningkatkan daya saing PKS dan menggalakkan lebih banyak pelaburan, terutamanya industri berasaskan pengetahuan dengan produk dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi.

Penggunaan swasta dijangka berkembang 6.4% (2015: 6.8%) berikutan prospek pekerjaan yang stabil dan pertumbuhan upah yang menggalakkan. Akses yang mudah kepada kredit, pemberian tunai BR1M, kadar faedah akomodatif dan inflasi yang rendah juga akan menyokong penggunaan swasta.

Bagi sektor awam, dasar fiskal negara akan kekal menyokong pertumbuhan meskipun Kerajaan terus komited terhadap konsolidasi fiskal. Pada tahun 2016, perbelanjaan awam dijangka meningkat 2.7% (2015: 2.8%). **Pelaburan awam** dianggarkan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 2.3% (2015: 1.6%) disokong oleh projek baharu di bawah ETP dan RMKe-11 serta projek yang sedang dilaksanakan di bawah RMKe-10. DE Kerajaan Persekutuan akan memberi tumpuan kepada projek dan program yang mempunyai potensi nilai ditambah lebih tinggi dan mempunyai kesan lebih besar kepada ekonomi seperti menaiktaraf infrastruktur, menambah baik kemudahan awam, menyediakan kualiti penjagaan kesihatan yang lebih baik, meningkatkan kemahiran tenaga kerja serta sokongan bagi R&D. Sementara itu perbelanjaan modal oleh syarikat awam terutamanya PETRONAS, TNB dan MRT Corp dijangka kekal kukuh. Perbelanjaan modal PETRONAS termasuk aktiviti huluan dan hiliran seperti projek RAPID dan FLNG 2. Pelaburan TNB terutamanya dalam pembinaan loji kuasa baharu adalah untuk memenuhi permintaan elektrik yang semakin tinggi. Sementara itu, pelaburan MRT Corp terutamanya bagi pembinaan MRT Line 1 yang dijangka siap menjelang tahun 2017 dan kerja pembinaan MRT Line 2 yang akan bermula pada akhir tahun 2015. **Penggunaan awam** dijangka meningkat 3% (2015: 3.6%) didorong oleh peruntukan berterusan bagi emolument serta bekalan dan perkhidmatan.

Kedudukan Sumber Negara

Jurang tabungan pelaburan kekal mencatat lebihan

Pendapatan negara pada harga semasa dijangka berkembang 7% pada tahun 2016 (2015: 5.5%). **TNK** diunjur meningkat 4.7% dengan sektor swasta menyumbang 75.7% daripada jumlah simpanan (2015: 0.9%; 79.6%). Jumlah pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dijangka meningkat kepada RM331.3 bilion dan menyumbang 27.5% kepada GNI (2015: RM303.7

bilion; 26.9%). Pelaburan yang tinggi ini akan menyebabkan lebihan jurang tabungan pelaburan mengecil kepada RM11.3 bilion atau mewakili 0.5% – 1.5% daripada GNI (2015: RM23.4 bilion; 1.5% – 2.5%). Walau bagaimanapun, lebihan ini menyediakan mudah tunai yang mencukupi untuk membiayai aktiviti ekonomi domestik.

Sektor Luar Negeri

Lebihan akaun semasa lebih kecil

Pada tahun 2016, kedudukan sektor luar Malaysia dijangka kekal menggalakkan seiring dengan prospek pertumbuhan ekonomi serantau dan negara maju yang lebih baik, diperkukuh lagi oleh pengembangan ekonomi domestik yang mapan. Di samping itu, prospek perdagangan dunia semakin baik.

Eksport kasar dijangka kembali pulih 1.4% (2015: -0.7%) dipacu oleh permintaan eksport pembuatan, terutamanya produk E&E, meskipun harga komoditi kekal rendah. Bagi meningkatkan lagi prestasi eksport, inisiatif dan program dalam NEC akan dipercepatkan. Untuk mengoptimumkan sumber dan mengukuhkan jenama Malaysia, aktiviti promosi dalam dan luar negeri akan lebih bersasar dan berkesan. Sementara itu, **import kasar** juga kembali pulih dan berkembang pada kadar lebih cepat 3.3% (2015: -1.2%), disokong oleh pelaburan awam serta perbelanjaan modal sektor pembuatan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Di samping itu, pengecualian duti import ke atas 90 item dalam sektor pembuatan pada 14 September 2015 oleh Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) memberi manfaat kepada hampir 900 syarikat. Pengecualian ini termasuk alat ganti, barangan guna habis serta kelengkapan untuk pemeriksaan bagi tujuan penyelidikan dan kawalan kualiti terutamanya dalam subsektor M&E dan E&E. Permintaan barangan penggunaan dijangka disokong oleh peningkatan upah berterusan dan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan. Dengan pertumbuhan import melebihi eksport, lebihan dagangan dijangka lebih rendah kepada RM73.2 bilion atau 5.9% daripada KDNK (2015: RM85.3 bilion; 7.3%).

Prospek aktiviti berkaitan perdagangan dan pelaburan yang semakin cergas akan menyumbang kepada defisit berterusan dalam *akaun pengangkutan* dan *perkhidmatan lain* pada tahun 2016. Sementara itu, *akaun perjalanan* dijangka mencatat lebihan yang lebih besar pada RM33.9 bilion (2015: +RM29.8 bilion) didorong oleh ketibaan pelancong yang lebih ramai. Terimaan kasar akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM74.9 bilion, didorong oleh aktiviti promosi dan pemasaran bersepadu; kemasukan syarikat penerbangan baharu; dan pengembangan kapasiti lapangan terbang. Oleh

itu, defisit **akaun perkhidmatan** dijangka bertambah baik kepada RM11.4 bilion (2015: -RM14.7 bilion). Walau bagaimanapun, dengan jangkaan pertumbuhan import lebih tinggi, **akaun barangan dan perkhidmatan** diunjur mencatat lebihan yang lebih rendah kepada RM63.7 bilion (2015: +RM75.1 bilion).

Pendapatan korporat dijangka kekal kukuh, dengan keadaan persekitaran luar bertambah baik dan prospek pertumbuhan ekonomi domestik yang menggalakkan. Oleh itu, **akaun pendapatan primer** kekal mencatat aliran keluar bersih pada RM33.7 bilion pada tahun 2016 (2015: -RM33.2 bilion) berikutan MNC yang beroperasi di Malaysia akan menghantar balik keuntungan, dividen dan faedah yang lebih tinggi. Dalam usaha untuk mengukuhkan nilai ringgit dan menambah baik imbalan akaun semasa,

syarikat Malaysia digesa membawa balik pendapatan pelaburan untuk membiayai pertumbuhan yang lebih besar, menggalakkan inovasi dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi. Oleh itu, aliran masuk kasar akaun pendapatan primer juga meningkat, meskipun melebihi penghantaran balik keuntungan bersih MNC. Sementara itu, **akaun pendapatan sekunder** akan terus mencatat defisit pada RM18.7 bilion (2015: -RM18.5 bilion) berikutan permintaan tenaga pekerja asing yang berterusan. Walau bagaimanapun, lebihan akaun barangan dan perkhidmatan lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi aliran keluar bersih akaun pendapatan primer dan sekunder. Sehubungan itu, **akaun semasa** terus mencatat lebihan, walaupun lebih kecil dalam lingkungan 0.5% – 1.5% daripada GNI pada tahun 2016 (2015: 1.5% – 2.5%).